



STATISTIK KERATAN AKHBAR DISEMBER 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	SALAH GUNA KUASA, RASUAH AIBKAN NEGARA	SINAR HARIAN MS 31	01.12.2024	KPT
2	PERPUSTAKAAN SENDU, SALAH SIAPA?	UTUSAN MALAYSIA MS 31	02.12.2024	PERPUSTAKAAN
3	ALLAH UJI KEIMANAN HAMBA-NYA DENGAN PELBAGAI MUSIBAH	HARIAN METRO MS 15	02.12.2024	AGAMA
4	GANDINGAN IPT, INDUSTRI LAHIRKAN GRADUAN BERKETERAMPILAN	BERITA HARIAN MS 10	03.12.2024	KPT
5	BERBANGGALAH MENJADI PENJAWAT AWAM	UTUSAN MALAYSIA MS 16	03.12.2024	RENCANA
6	KERJASAMA UNIVERSITI, INDUSTRI PACU DAYA SAING MALAYSIA DALAM BIDANG AI	BERITA HARIAN MS 13	04.12.2024	KPT
7	PESANAN UNTUK SISWAZAH DI MENARA GADING	UTUSAN MALAYSIA MS 19	05.12.2024	KPT
8	HADAPI MUSIBAH BANJIR DENGAN REDA, TAWAKAL	UTUSAN MALAYSIA MS 17	05.12.2024	RENCANA
9	MENGANGGAP SESUATU MUSIBAH SEBAGAI ANUGERAH ILAHI	HARIAN METRO MS 15	05.12.2024	AGAMA
10	CELIK MENGURUS KEWANGAN SEBAHAGIAN TUNTUTAN AGAMA	BERITA HARIAN MS 23	06.12.2024	AGAMA
11	MAHASISWA MESTI RAWAT KESIHATAN MENTAL DEMI KECEMERLANGAN DIRI	BERITA HARIAN MS 11	06.12.2024	KPT
12	PELAJAR POLITEKNIK PORT DIKCSN WAKILI MALAYSIA	BERITA HARIAN MS 18	07.12.2024	POLI PD
13	PROGRAM LATIHAN INDUSTRI PERLU LEBIH TERATUR, IKUT REALITI PEKERJAAN	UTUSAN MALAYSIA MS 18	09.12.2024	RENCANA
14	BAHASA KOLOKIAL DAN DIALEK SEBAGAI PELAJARAN PENGAJIAN KEBANGSAAN DI IPT	UTUSAN MALAYSIA MS 16	10.12.2024	RENCANA
15	ADAB TANPA ILMU SATU KERUGIAN, ILMU TANPA ADAB SATU FITNAH	HARIAN METRO MS 15	10.12.2024	AGAMA
16	PERBETUL TANGGAPAN TVET PILIHAN PELAJAR GAGAL AKADEMIK	BERITA HARIAN MS 26	11.12.2024	TVET
17	TVET BOLEH DIINTEGRASI DALAM SEKTOR KRITIKAL	BERITA HARIAN MS 04	11.12.2024	TVET
18	UNIVERSITI PERKASA MINDA, BINA INSAN SEIMBANG	BERITA HARIAN MS 11	13.12.2024	KPT
19	FOKUS IPTA BANGUNKAN BIDANG AI	SINAR HARIAN MS 13	15.12.2024	KPT
20	GRADUAN OKU BUKTI PENDIDIKAN MILIK SEMUA	UTUSAN MALAYSIA MS 32	16.12.2024	KPT
21	SELALU ADA JALAN BAGI ORANG KEKAL BERUSAHA	HARIAN METRO MS 15	16.12.2024	AGAMA
22	KPT BERJAYA CAPAI 5 FOKUS UTAMA	BERITA HARIAN MS 08	17.12.2024	KPT
23	INNOVET 2004 HASILKAN 35 INOVASI PELAJAR	UTUSAN MALAYSIA MS 25	18.12.2024	TVET



STATISTIK KERATAN AKHBAR DISEMBIR 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
24	SALING MENUDUH ANTARA PUNCA PELAJAR DIPUKUL	BERITA HARIAN MS 21	20.12.2024	KPT
25	TIGA PELAJAR IPT DI SERI ISKANDAR DITAHAN	SINAR HARIAN MS 15	21.12.2024	KPT
26	PROVOKASI DISYAKI PUNCA PELAJAR LELAKI DIPUKUL BERAMAI-RAMAI	BERITA HARIAN MS 17	21.12.2024	KPT
27	GRADUAN TERBAIK OKU PENGLIHATAN	HARIAN METRO MS 11	23.12.2024	KPT
28	BILA KALI TERAKHIR ANDA KE PERPUSTAKAAN?	UTUSAN MALAYSIA MS 31	23.12.2024	PERPUSTAKAAN
29	TVET PEMANGKIN TRANSFORMASI SOSIOEKONOMI KAUM INDIA	UTUSAN MALAYSIA MS 16	23.12.2024	TVET
30	UMPSA TUBUH SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH DALAM EKOSISTEM TVET	BERITA HARIAN MS 15	24.12.2024	TVET

JUMLAH KESELURUHAN : 30

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SALAH GUNA KUASA, RASUAH AIBKAN NEGARA

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 31

TARIKH : 01/12/2024

SINAR AHAD | 1 DISEMBER 2024

31

Salah guna kuasa, rasuah aibkan negara

Universiti
bertanggungjawab
membentuk karakter
dan jiwa graduan

KUALA LUMPUR

Rasuh, ketirisan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah ibarat bahan merosakkan anatomi negara, yang kesannya mengakibatkan rakyat menanggung beban berat.

Titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah, untuk memurnikan kecelaruan dihadapi, sistem pentadbiran, tadbir urus dan tata kelola berdasarkan nilai, prinsip serta amanah perlu dijadikan teras dalam membentuk budaya kerja, menjangkui batasan kaum, aga-

ma, status sosial dan status ekonomi.

"Perlakuan rasuh, ketirisan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah dilaporkan berlaku ketika ini amatlah mengaibkan negara, dan sangat membimbangkan rakyat jelata," titah baginda sesama Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya (UM) ke-64 di Dewan Tunku Canselor di sini pada Sabtu.

Sultan Nazrin yang juga Canselor UM bertitah, tanggungjawab universiti tidak lengkap jika sekadar menghasilkan bilangan graduan ramai, sebaliknya universiti bertanggungjawab membentuk karakter dan membina jiwa insaniah graduan secara menyeluruh.

Titah baginda, aspek lebih penting



SULTAN NAZRIN

ialah kejayaan universiti memupuk dan menyemai nilai murni dalam diri setiap graduan supaya memiliki kekuatan dalaman serta memahami aspek-aspek etika, moral, akauntabiliti dan integriti apabila dipertanggungjawabkan dengan amanah.

Istiadat Konvokesyen UM kali ke-64 itu melibatkan 16 sidang yang akan berlangsung sehingga 8 Disember ini.

Seramai 9,253 graduan yang menuhi kriteria akademik layak di anugerahkan ijazah dan diploma.

UM berjaya melonjakkan kedudukan ke tahap 60 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings 2024*, selain menduduki tempat ke-12 di Asia dan terus unggul sebagai universiti terbaik negara.

- Bernama

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PERPUSTAKAAN SENDU, SALAH SIAPA?

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

TARIKH : 02/12/2024



BUDAYA pencarian maklumat atau kurangnya minat membaca di perpustakaan menyumbang kepada cabaran perpustakaan itu sendiri.

Perpustakaan sendu, salah siapa? UM 2/12 MS 31

MASYARAKAT moden pada era ini beranggapan bahawa perpustakaan telah kurang kepentingan kerana limpahan maklumat yang lebih pantas diperolehi tanpa mengetahui sumbernya sama ada sahih ataupun tidak, iaitu internet. Tidak dinafikan bahawa maklumat terkini amat mudah didapati melalui telefon pintar berbanding di perpustakaan. Kebarangkalian pengunjung kurang mengunjungi perpustakaan merangkumi pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan.

Laman sesawang di Internet seperti Google, FireFox dan seangkatannya, adalah faktor utama pencarian maklumat terkini yang sering digunakan oleh pengguna pada era ini. Kebanyakan maklumat yang diperoleh melalui sumber di laman sesawang juga tergolong dari sumber autoritatif.

Pengguna era ini kebanyakannya telah mempunyai kemahiran maklumat yang tersendiri, sebagai contoh pernilaian sumber diperoleh akan diselidik terlebih dahulu dengan terperinci tanpa perlu mengunjungi perpustakaan. Aktiviti pencarian maklumat melalui sumber elektronik atau laman sesawang lebih mudah jika dibandingkan di perpustakaan. Pada masa kini, terdapat kemudahan teknologi terkini seperti ChatGPT iaitu teknologi AI yang mampu menjawab pelbagai persoalan yang diberi oleh pengguna.

Namun, ChatGPT bukanlah dianggap sebagai saingan perpustakaan kerana sumber yang diperoleh dari ChatGPT adalah mengikut skrip yang ditetapkan oleh pentadbir sistem.

Kelebihan ChatGPT adalah memberi respon dengan pantas berserta fakta yang lengkap namun begitu keterbatasan dalam menjawab persoalan luar skrip tidak dapat dibantu oleh sistem tersebut.

Apabila dilihat kurang kunjungan dari pengunjung ke perpustakaan sama ada perpustakaan awam, institusi pengajian tinggi maupun perpustakaan khusus adalah menjadi sesuatu yang menggusarkan oleh kakitanganinya. Ini akan memberi impak atas penuhuhan perpustakaan itu di mata masyarakat negara ini.

Namun, jika dilihat operasi perpustakaan itu bukanlah hanya tertakluk kepada jumlah pengunjung, akan tetapi dipengaruhi oleh faktor lain seperti sumber elektronik, kunjungan laman rasmi dan aktiviti yang dijalankan.

Sebagai contoh, kepentingan kewujudan perpustakaan yang telah ditetapkan oleh agensi atau jabatan kerajaan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MOA) di mana mengikut penerbitannya Kod Amalan Akreditasi Program, telah menyatakan pada Bidang 6: Sumber Pendidikan bahawa kemudahan fizikal perpustakaan adalah wajib.

Ini menunjukkan bahawa perpustakaan di masa kini masih sangat penting dengan sokongan dari pihak kerajaan. Selain itu, demografi penduduk di negara ini juga turut dipertimbangkan sebagai cabaran bagi perpustakaan kerana budaya pencarian maklumat atau kurangnya minat membaca di perpustakaan menyumbang kepada cabaran perpustakaan itu sendiri.

Minat adalah satu perkara subjektif dan tidak boleh diukur kerana pada sesetengah individu mereka lebih cenderung menghabiskan masa di perpustakaan, dan ada juga lebih cenderung ke pusat membeli bahan atau taman rekreasi pada hujung minggu. Meskipun perpustakaan telah pun menghabiskan modal mereka dalam program-program yang menarik, namun minat individu di serata tempat adalah faktor penting bagi mereka melibatkan diri dalam aktiviti perpustakaan itu.

Selain itu, limpahan maklumat yang diperoleh dari sumber internet yang telah memudahkan pengguna dalam pencarian maklumat dan ini merupakan cabaran bagi perpustakaan untuk menangkal halangan tersebut. Dengan wujudnya ketersediaan maklumat yang berautoriti serta aktiviti menarik di perpustakaan, ia mampu menarik minat pengunjung mampu membendung cabaran yang dihadapi.

QUDRI ALI ABU BAKAR
Pustakawan Khaw & Partners
Kuala Lumpur

TAJUK: ALLAH UJI KEIMANAN HAMBA-NYA DENGAN PELBAGAI MUSIBAH

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 02/12/2024

Harian Metro | Isnin 02.12.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

REDA DENGAN TAKDIR

Allah uji keimanan hamba-Nya dengan pelbagai musibah

Bersama
Dr Mohd
Shukri Hanapi



ntara ujian Allah SWT ke atas hamba-Nya adalah melalui musibah. Musibah bermaksud bencana, kecelakaan atau malapetaka. Dalam erti kata lain, sesuatu tidak baik dan mendatangkan kesedihan serta penderitaan kepada pihak yang menanggungnya seperti tanah jerlus, kebakaran, banjir, ribut taufan, kemalangan, kerugian, kematian dan sebagainya.

Berhubung perkara ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan sesungguhnya akan Kami berikan ujian kepadamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang yang sabar." (**Surah al-Baqarah ayat 155**)

Kemudian Allah SWT jelaskan lagi tentang orang yang sabar itu dalam firman-Nya yang bermaksud: "(Iaitu) mereka yang apabila ditimpa musibah lalu berkata, 'sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya (Allah) jualah (tempat) kami kembali.'" (**Surah al-Baqarah ayat 156**)

Menurut al-Tabariy dalam kitab tafsirnya, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* bahawa menerusi ayat 155 dan 156 daripada Surah al-Baqarah itu, Allah SWT menyatakan setiap hamba-Nya akan diuji. Ujian Allah SWT itu berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti bencana alam, kematian, kekayaan, kemiskinan, dan kesakitan. Semua ini untuk membuktikan siapakah yang penyabar dan tetap bertuhankan Allah SWT dalam apa jua keadaan ditempuhinya.

Jadi jelaslah bahawa orang sabar itu adalah yang tetap beriktitikad bahawa diri mereka hamba dan milik Allah SWT walaupun ditimpa musibah yang amat berat. Malah mereka sentiasa mengharapkan balasan pahala daripada Allah SWT dan sentiasa takut azab-Nya.

Ibn Kathir dalam Tafsir al-Quran al-'Azim semasa mentafsir ayat tersebut (ayat 156 daripada Surah al-Baqarah) menjelaskan, "Dengan melafazkan ayat ini menunjukkan seseorang itu menerima segala musibah yang

menimpanya dan mengakui bahawa dirinya adalah hamba dan milik Allah SWT. Allah SWT berkuasa melakukan apa-apa sahaja ke atas hamba-Nya."

Bagi memperkuatkannya lagi tafsirannya ini, Ibn Kathir membawakan beberapa hadis, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (Hadis no 918) yang bermaksud, "Ummu Salamah berkata: 'Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: 'Tiada seorangpun daripada kalangan orang Islam yang ditimpakan musibah, lalu ia melafazkan apa yang diperintahkan oleh Allah (iaitu firman Allah SWT ayat 156 surah al-Baqarah yang bermaksud) 'sesungguhnya kami adalah hamba dan milik Allah dan kepada-Nya kami akan dikembalikan. Ya! Allah berilah pahala bagiku dalam musibahku ini dan gantikanlah untukku yang lebih baik daripadanya, melainkan Allah menggantikan baginya dengan yang lebih baik.'"

Ummu Salamah berkata: "Ketika Abu Salamah meninggal dunia, aku sering bertanya kepada diriku sendiri, orang Islam manakah yang lebih baik daripada Abu Salamah? Dialah orang yang pertama hijrah kepada Rasulullah SAW.

Pertanyaan itu sering aku mengulanginya, lalu Allah menggantikan untukku Rasulullah SAW sendiri. Ummu Salamah berkata: 'Baginda mengutuskan Hatib bin Balta'ah untuk melamarikku bagi dirinya sendiri. Lalu Ummu Salamah berkata lagi: Aku mempunyai seorang anak perempuan dan aku seorang wanita yang kuat cemburu. Jawab Baginda: Tentang anak perempuannya kita doakan semoga Allah SWT cukupkan segala keperluannya dan aku mendoakan semoga Allah SWT hilangkan rasa cemburunya itu.'

Berdasarkan kefahaman hadis di atas, balasan Allah SWT atas kesabaran Ummu Salamah yang diuji dengan kematian suaminya, Abu Salamah, adalah beliau dikahwin oleh Rasulullah SAW sendiri.

Dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal yang bermaksud: "Abu Sinan" berkata: "Setelah aku mengebumikan anakku, aku masih berada di kubur. Tiba-tiba datang Abu Talhah al-Khaulani lantas memegang tanganku dan membawa aku keluar sambil berkata: 'Adakah engkau suka sekiranya aku menceritakan sesuatu yang



ORANG berjaya menempuh ujian Allah SWT dengan penuh kesabaran akan dianugerahkan balasan pahala.

mengembirakanmu? Jawab Abu Sinan: Baiklah. Lalu Abu Talhah berkata bahawa al-Dahhak bin Abd al-Rahman bin 'Azib menceritakan kepada daripada Abu Musa katanya: 'Sabda Rasulullah SAW bahawa Allah SWT berfirman (yang bermaksud): 'Wahai Malaikat Maut, engkau telah mencabut nyawa seorang anak daripada hamba-Ku, engkau telah mengambil buah hatinya dan anak kesayangannya. Jawab Malaikat Maut: Ya! Lalu Allah SWT berfirman, apa yang dia kata (ketika kematian anaknya itu)? Jawabnya: Ia memuji Engkau dengan berkata kami ini adalah hamba dan milik Allah dan kepada-Nya kami akan dikembalikan. Maka Allah SWT berfirman: Binalah untuknya sebuah rumah di dalam syurga dan berilah namanya dengan Bayt al-Hamid (Mahligai Kepujian).'"

Hadis kedua ini pula menjelaskan sikap Abu Sinan yang tetap memuji Allah SWT walaupun anak kesayangannya meninggal dunia. Sebagai balasan dibina sebuah rumah untuknya di dalam syurga.

Jelaslah ujian Allah SWT ini untuk melihat kekuatan akidah hamba-Nya, sama ada hanya bertuhankan-Nya dalam keadaan senang-lenang sahaja atau terus bertuhankan-Nya dalam keadaan sekalipun.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan Allah SWT menguji keimanan hamba-Nya dengan pelbagai musibah. Musibah Allah SWT itu bukanlah sekadar kematian sahaja, malah ia didatangkan dalam berbagai bentuk dan keadaan.

Orang yang berjaya

menempuh ujian Allah SWT dengan penuh kesabaran akan dianugerahkan balasan pahala. Malah Allah SWT akan menggantikan sesuatu yang hilang itu dengan sesuatu perkara lebih baik seperti dijelaskan dalam hadis sebelum ini.

Jadi dalam hal ini setiap umat Islam hendaklah mempunyai akidah yang betul, iaitu dengan berakidahkan bahawa semua makhluk yang wujud di atas muka bumi ini adalah hamba dan milik Allah. Sebaik saja mengaku bahawa kita sebagai hamba dan milik Allah SWT, kita hendaklah meredai apa jua musibah yang menimpakan kita. Sebenarnya di sebalik musibah itu mempunyai hikmah besar dan kita sendiri tidak mengetahuinya.

Maka dengan ketabahan hati menghadapi kesukaran, kesulitan dan penderitaan menimpakan kita, sebenarnya suatu latihan untuk menempuh banyak lagi penderitaan pada masa akan datang.

Orang yang sabar dan tabah sentiasa diberikan perlindungan dan rahmat oleh Allah SWT. Jiwa yang sering melalui proses ujian ini semakin lama semakin teguh kerana sentiasa digembang dan disaring oleh zaman. Mudah-mudahan hasil daripada kesabaran itu, Allah SWT akan berikan ganjaran pahala dan gantikan segala kehilangan serta kerosakan dengan harta benda lain yang lebih baik.

Penulis Pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM)

A
Orang yang sabar tetap beriktitikad diri mereka sebagai hamba dan milik Allah SWT walaupun ditimpa musibah yang amat berat



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GANDINGAN IPT, INDUSTRI LAHIRKAN GRADUAN BERKETERAMPILAN

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

TARIKH : 03/12/2024

Selasa, 3 Disember 2024 BH

10

MukaSepuluh

E-mel: bhrenanca@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Gandingan IPT, industri lahirkan graduan berketerampilan

Dalam banyak keadaan, universiti kadangkala menjadi 'kambing hitam' apabila gagalnya graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang sesuai kelulusan

Industri seharusnya menyediakan dana antara tiga hingga lima peratus daripada keuntungan bersihnya bagi program latihan modal insan dan pembangunan organisasi



Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid
bhrenanca@bh.com.my

Penyelidik Kumpulan Penyelidikan Kenegaraan & Kesejahteraan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia

Isu guna tenaga tidak penuh khusus dalam sektor berkemahiran tinggi menunjukkan trend membimbangkan apabila statistik suku ketiga 2024 menunjukkan 1.95 juta pekerja berpendidikan tinggi di Malaysia bekerja dalam pekerjaan separa mahir dan rendah, meningkat kepada 1.9 peratus berbanding 1.4 peratus pada 2023.

Data ini menunjukkan senario ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan membimbangkan.

Sungguhpun pertumbuhan ekonomi bertambah baik dengan pelaburan asing dan domestik memberangsangkan, namun isu guna tenaga tidak

penuh ini perlu dicari penyelesaian.

Secara purata, pertumbuhan ekonomi Malaysia mencipta 39 peratus pekerjaan berkemahiran tinggi dan selebihnya 61 peratus pekerjaan berkemahiran rendah dan separa mahir. Isu utama membelenggu graduan adalah ketidakpadanan pekerjaan antara kelayakan yang mereka peroleh dengan pekerjaan mereka lakukan.

Industri di Malaysia secara keseluruhan lebih banyak menggaji pekerja separa mahir dan berkemahiran rendah berbanding berkemahiran tinggi. Situasi ini kerana hampir 70 peratus daripada industri di Malaysia berasaskan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Pelbagai kajian dan laporan dikemukakan bagi mengenal pasti dan mengatasi masalah guna tenaga tidak penuh dalam kalangan graduan.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini, institusi pengajian tinggi (IPT) seharusnya memberi fokus terhadap 'tuntutan permintaan' berbanding 'menawarkan bekalan' dalam menawarkan program pengajian diperlukan industri dan pasaran pekerjaan.

Dalam banyak keadaan, universiti kadangkala menjadi 'kambing hitam' apabila gagalnya graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang sesuai kelulusan. Pelbagai pihak menuduh jari kepada universiti atas isu ini – ibu bapa, industri dan masyarakat awam.

Bagi yang memahami peranan dan falsafah universiti, peranan ideal universiti bukan sebagai 'kilang' melahirkan pekerja untuk keperluan industri dan pasaran. Falsafah dan matlamat universiti jauh lebih besar daripada itu, iaitu melahirkan manusia berketerampilan dengan segala keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelektual holistik.

Manusia yang lahir daripada universiti dalam tempoh antara tiga hingga lima tahun inilah diharapkan negara menjadi katalis pembangunan negara sebagai pemimpin dan penggerak utama di pelbagai sektor strategik negara.

Kajian, kerjasama tingkat kualiti program

Sabtu tahun, universiti menjalankan kajian kebolehpasaran graduan bagi mengukur permintaan dan penawaran dalam industri. Berdasarkan data kajian itu, universiti menilai dan merombak kembali kurikulumnya bagi memenuhi keperluan industri dan pasaran buruh.

Tidak sekadar itu, universiti turut mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya industri dalam usaha meningkatkan kualiti program dan kemandijadian graduannya. Latihan industri antara kerjasama wujud sejak enam dekad lalu.

Latihan industri dilalui pelajar dapat mengukuhkan teori dipelajari dalam kuliah. Ia meningkatkan kefahaman sekali gus memperkaya ilmu antara teori dan amali. Latihan industri ini jika dilalui graduan dengan serius dan dipantau dengan baik akan memberi nilai tambah sangat berguna kepada semua pihak khususnya graduan.

Bagaimanapun, masih terdapat kes penempatan pelajar di industri tidak selari dengan bidang pengajian. Selain sikap segelintir pelajar tidak memanfaatkan latihan industri sebagai keperluan persediaan sebelum ke alam pekerjaan sebenar.

Universiti tidak boleh lari daripada menunaikan tanggungjawab moralnya melahirkan manusia yang baik dan berguna kepada agama, bangsa dan negara

Bagi pelajar cemerlang dan menunjukkan sikap berkualiti, lazimnya industri tertarik dan terus menawarkan kerja tetap sebaik tamat latihan industri.

Namun, tidak adil jika meletakkan kritikan dan kesalahan terhadap universiti dalam isu guna tenaga tidak penuh ini. Tempoh tiga hingga empat tahun di universiti bukan untuk membentuk pelajar sebagai 'pekerja' dalam industri semata-mata.

Kerangka kurikulum masa hadapan ini direka bagi bertindak balas dengan perkembangan semasa sedang berlaku seperti Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), keperluan industri, perkembangan teknologi, pasca pandemik dan terkini kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran.

Tempoh tiga hingga empat tahun pelajar di universiti bukan waktu panjang melengkapkan pelajar dengan segala kemahiran diperlukan industri se-

bagai pekerja. Banyak perkara lain perlu dipelajari pelajar di dalam dan luar bilik kuliah.

Di universiti, pelajar dididik menjadi individu boleh berfikir, mampu menerima dan berhujah, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Pelajar turut dibentuk moral dan akhlaknya menjadi waranegara bertanggungjawab dan berintegriti.

Maka, sebahagian besar peranan latihan dan pembangunan kepada graduan khususnya *hard skills* terletak pada bahu industri. Hal ini sangat signifikan kerana alam universiti dan pekerjaan amat berbeza dalam banyak perkara.

Justeru, industri seharusnya menyediakan dana antara tiga hingga lima peratus daripada keuntungan bersihnya bagi program latihan dan pembangunan organisasi.

Jabatan atau unit pembangunan dan pengurusan sumber manusia perlu merancang dan melaksanakan keperluan latihan sepanjang tahun organisasi kepada pekerja termasuk graduan baru diambil bekerja.

Latihan dan pembangunan adalah pelaburan jangka panjang mestilah diusahakan bagi kelestarian sebuah industri dan organisasi, seperti mana pepatah Cina menyebutkan 'jika anda merancang untuk setahun maka semailah padi, jika untuk se-dekad, tanamlah pohon, tapi jika untuk seumur hidup, maka didiklah manusia'.

Dalam hal sama, kerajaan turut memberi sokongan kepada industri dalam bentuk dana dan insentif supaya latihan serta pembangunan dapat dijalankan secara berterusan contohnya menerusi Human Resource Development Fund (HRDF).

Namun, universiti tidak boleh lari daripada menunaikan tanggungjawab moralnya melahirkan manusia yang baik dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Saingan graduan pada zaman IR4.0 amat sengit dan mencabar. Justeru, graduan seharusnya lebih gigih mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran serta pengalaman diperlukan supaya nilai kebolehpasaran di pasaran pekerjaan lebih berimpak.

Graduan usah mengambil risiko dengan berharap kepada nasib, 'kabel' dan simpati industri semata-mata. Zaman ini adalah zaman berpengetahuan mengutamakan keberadaan, kemahiran dan daya saing.

Apa yang pasti, universiti dan industri adalah dua pihak paling penting berperanan bagai 'aur dengan tebing'. Kerjasama 'menang-menang' antara kedua pihak ini penting ke arah penjanaan bakat dan tenaga kerja berkemahiran tinggi masa hadapan.

Dua platform ini jika saling salah menyalah dan tuduh menuduh jadi hanya menyebabkan graduan dan negara menjadi mangsa.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

SETIAP individu yang dilantik sebagai penjawat awam di negara ini baik di peringkat persekutuan maupun negeri wajar bersyukur serta berbangga dengan kedudukan dan jawatan yang dimiliki.

Walau apapun skim perkhidmatan serta gred jawatan, masing-masing mempunyai asas dan alasan yang kukuh untuk berasa bangga.

Pertama, penjawat awam perlu sedar kita diiktiraf sebagai tulang belakang pentadbiran kerajaan baik di persekutuan maupun negeri. Hakikatnya walaupun kerajaan dan kepimpinan bertukar ganti namun penjawat awam terus diberikan peranan, mandat dan diletakkan tahap kepercayaan yang tinggi oleh pihak kerajaan.

Penjawat awam diberi tanggungjawab besar untuk melaksanakan segala dasar dan inisiatif yang diperkenalkan kerajaan untuk membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat. Jelas sekali pihak kerajaan meletakkan harapan serta kepercayaan yang besar terhadap kemampuan dan sumbangan signifikan setiap penjawat awam.

Kedua, penjawat awam diberi peranan untuk bertindak sebagai tonggak pembangunan negara. Ironinya peranan penjawat awam demi membangunkan negara dalam pelbagai aspek tidak pernah dipersoalkan sebaliknya terus diberikan pelbagai pengiktirafan oleh pihak kerajaan.

Misalnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri sering kali di pelbagai majlis secara terbuka memuji dan mengiktiraf sumbangan, peranan selain kecekapan penjawat awam dalam membantu kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara.

Ini membuktikan kerajaan mengangkat kedudukan dan martabat penjawat awam sebagai kelompok individu yang cukup penting dan berfungsi sebagai tonggak kemajuan negara.

Ketiga, penjawat awam diberi peluang untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara. Hal ini cukup signifikan kerana tidak semua kelompok pekerja mendapat ruang dan peluang untuk memberikan perkhidmatan atau diberi kuasa menyelesaikan pelbagai

**PENJAWAT awam perlu menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat tanpa mengira jawatan dan gred.**

Berbanggalah menjadi penjawat awam

“Penjawat awam diminta berpegang pada prinsip-prinsip keadilan sosial, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran bersama.”

permasalahan rakyat secara langsung seperti penjawat awam.

Ironinya, walau apapun jawatan dan gred, setiap penjawat awam diberi tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Secara prinsipnya, golongan ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap kehidupan rakyat baik dari segi pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan dan sosial.

Keempat, rakyat sentiasa meletakkan penjawat awam

di satu kedudukan yang cukup tinggi. Jujurnya, rakyat di pelbagai peringkat sentiasa memandang tinggi pegawai kerajaan dan memberikan penghormatan yang sewajarnya sekali gus membuktikan kedudukan tinggi penjawat awam dalam hierarki sosial anggota masyarakat.

Misalnya, anggota pasukan keselamatan seperti polis, bomba dan tentera sentiasa dilihat sebagai kelompok penjawat awam yang hebat dan merupakan pihak yang melindungi keselamatan rakyat dan negara.

Kelima, kedudukan jawatan penjawat awam terjamin sehingga bersara kecuali yang mempunyai masalah tatatertib. Walaupun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti keadaan ekonomi tidak menentu, kedudukan kewangan meruncing, malah diancam pandemik menyebabkan ramai kehilangan kerja dan punca pendapatan namun penjawat awam terus dibayar gaji serta segala kemudahan diterima seperti biasa.

pemegang taruh dan sedar tanggungjawab yang diletakkan di bahu masing-masing. Dalam erti kata lain, buanglah jauh-jauh budaya culas, malas serta tidak bersyukur yang masih menghantui segelintir penjawat awam seolah terus menjadi duri dalam daging sehingga merosakkan imej dan reputasi perkhidmatan awam.

Selain itu, penjawat awam juga boleh membuktikan rasa bangga dengan cara menjaga integriti dan amanah yakni tidak sama sekali terlibat dalam gejala tidak sihat seperti rasuah, ketirisan, salah guna kuasa dan penyelewengan. Cukuplah segala kes yang didedahkan selama ini. Marilah kita noktahkan masalah rasuah yang menghancurkan harapan rakyat dan negara. Usah benarkan jenayah kolar putih ini merosakkan anatomi perkhidmatan awam sehingga mengakibatkan rakyat dan negara menanggung beban berat.

Dalam konteks ini, setiap penjawat awam perlu sahut saranan kerajaan agar tangkas memperbaiki tadbir urus dan tatakelola di semua peringkat pentadbiran supaya dapat memberikan perkhidmatan yang telus kepada rakyat di samping menjaga wang negara berpaksikan budaya kerja yang mendukung nilai, prinsip dan amanah. Jangan sesekali terjerat dalam perangkap rasuah sehingga menjadi pengkhianat negara.

Berkhidmat dengan penuh taat setia kepada rakyat, negara dan kerajaan yang memerintah juga satu lagi cara menzahirkan rasa bangga menjadi penjawat awam. Dalam konteks ini hayatiilah saranan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar yang mengajak seluruh penjawat awam mendukung prinsip kesetiaan dan taat kepada negara, selaras dengan konsep kerajaan hari ini. Penjawat awam diminta berpegang pada prinsip-prinsip keadilan sosial, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran bersama.

Ironinya, rakyat dan negara meletakkan harapan yang besar terhadap penjawat awam, justeru jangan sesekali mengkhianati harapan tersebut dalam apa jua keadaan sekalipun. Gunakan jawatan dan pangkat yang diberikan dengan penuh amanah, jujur dan ikhlas dan berbanggalah menjadi penjawat awam yang diberi peluang untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

PENULIS ialah Timbalan Pendaftar, Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KERJASAMA UNIVERSITI, INDUSTRI PACU DAYA SAING MALAYSIA DALAM BIDANG AI

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

TARIKH : 04/12/2024

BH Rabu, 4 Disember 2024

MindaPembaca

13

Kerjasama universiti, industri pacu daya saing Malaysia dalam bidang AI

Dr Nuur Alifah Roslan,

Pensyarah Kanan,
Jabatan Multimedia
Fakulti Sains
Komputer
dan Teknologi
Maklumat, Universiti
Putra Malaysia

Kerjasama antara universiti dan industri adalah komponen penting dalam memastikan impak tinggi hasil penyelidikan, terutama dalam bidang teknologi seperti kecerdasan buatan (AI).

AI kini menjadi salah satu pamacu utama inovasi global dan penggabungan kepakaran akademik serta sokongan industri sangat penting bagi memaksimumkan potensi teknologi ini.

Menyedari kepentingan AI ini, kerajaan memperuntukkan dana berjumlah RM50 juta kepada universiti penyelidikan pada 2025 bagi memperkuat lagi pendidikan dan penyelidikan AI di negara ini.

Dalam pada itu, universiti penyelidikan diberi mandat memfokuskan AI dalam bidang strategik masing-masing, bersesuaian dengan keperluan industri dan komuniti setempat.

Universiti Malaya (UM) dijadikan sebagai contoh terbaik kerana menumpukan AI dalam sektor perubatan, khususnya menangani masalah penyakit barah.

AI ini memainkan peranan penting dalam diagnosis awal, rawatan serta mempercepatkan penemuan ubat baharu.

Kerjasama UM dengan syarikat farmaseutikal dan perubatan akan mempercepatkan pembangunan penyelesaian inovatif yang dapat meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pula menujuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia melalui kerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

Penubuhan pusat ini memfokuskan penyeli-

Program latihan industri dan penempatan pelajar dalam syarikat teknologi tinggi perlu diperluaskan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak

dikan AI dalam pengkomputeran kuantum bagi menghadapi ancaman keselamatan siber yang semakin kompleks.

Ini menunjukkan pentingnya kerjasama antara universiti dan industri keselamatan siber melindungi data kritikal negara.

Universiti Sains Malaysia (USM) pula menumpukan kepada teknologi semikonduktor, selari dengan kedudukan Malaysia sebagai hab semikonduktor dunia.

Kerjasama USM dengan syarikat besar seperti Intel dan Infineon membuktikan AI dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan inovasi dalam cip pemprosesan, membolehkan Malaysia terus bersaing pada peringkat global.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerajui penyelidikan AI dalam bidang alih bahasa, khususnya dalam usaha memartabatkan bahasa

Melayu sebagai bahasa ilmu.

Perkukuhkan kedudukan bahasa Melayu

Dengan perkembangan AI, proses alih bahasa dapat dipercepatkan, membolehkan pengetahuan dalam pelbagai bidang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan lebih mudah.

Sinergi ini memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa, terutama dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi.

Sehubungan itu, bagi memastikan kejayaan sinergi ini berjalan dengan lancar, beberapa langkah proaktif perlu diambil antaranya meningkatkan kerjasama penyelidikan antara universiti dan industri dalam bidang masing-masing.

Program latihan industri dan penempatan pelajar dalam syarikat teknologi tinggi perlu diperluaskan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama, seperti dilaksanakan UPM dengan NACSA mempercepatkan inovasi dan memastikan penyelidikan relevan dengan keperluan industri.

Di samping itu, insentif kewangan dan geran penyelidikan perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan lebih banyak lagi syarikat teknologi menyertai projek bersama universiti.

Dengan adanya sinergi semakin kukuh antara universiti dan industri, Malaysia berada pada landasan betul untuk menjadi peneraju global – dalam teknologi AI, memacu kepada inovasi serta manfaat kepada masyarakat dan ekonomi negara.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PESANAN UNTUK SISWAZAH DI MENARA GADING

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

TARIKH : 05/12/2024

Utusan Malaysia
KHAMIS • 5 DESEMBER 2024

19

Pesanan untuk siswazah di menara gading

TAHNIAH kepada semua siswazah kerana berpeluang untuk melanjutkan pengajian dan akhirnya berjaya menggenggam kejayaan.

Anda adalah kelompok pelajar bertuah kerana dipilih dan dibimbing oleh sekumpulan tenaga kerja yang memiliki pelbagai kelayakan, berpengalaman serta berkemahiran dalam menjana modal insan dinamik, inovatif dan holistik.

Kemudahan akademik, fasiliti dan kebajikan pelajar yang disediakan oleh pihak kerajaan juga menjadi salah satu pemangkin kejayaan.

Setiap institusi pengajian tinggi (IPT) turut mengambil inisiatif untuk menawarkan program pengajian berimpak tinggi, multidisiplin dan berfokuskan kemenjadian pelajar. Diharapkan proses pembelajaran tersebut memberikan pengalaman bermakna sebagai persediaan menghadapi cabaran dan membina jati diri. Matlamat akhirnya ialah untuk melahirkan siswazah kompeten yang mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

Siswazah perlu terus terbuka untuk belajar, meneroka penyelesaian baharu dan menimba pengalaman dari pelbagai sudut. Komitmen kerajaan dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti standard antarabangsa berdasarkan ekuiti diterjemahkan melalui 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)).

Modal insan adalah aset paling berharga dan signifikan kepada pengelakuan kompetitif serta kelangsungan negara. Aset tersebut perlu diurus dengan bijak dan berkesan agar generasi muda menjadi peneraju kesinambungan negara pada masa hadapan.

Program akademik yang diikuti pastinya memenuhi keperluan pemegang taruh dan budaya pembelajaran sepanjang hayat perlu diteruskan. Perkasakan bakat dan gunakan ruang, peluang dan kesempatan untuk belajar ilmu-ilmu baharu serta kepimpinan di luar alam pekerjaan.

Teruskan budaya bekerja secara berpasukan. Potensi diri yang dikenal pasti boleh digunakan untuk meneruskan pengajian ke peringkat lanjutan. Tetapkan matlamat dalam kehidupan dan sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima teguran walaupun pahit.

Gunakan ilmu literasi kewangan dan kehidupan berjimat-cermat di alam kampus untuk masa hadapan. Ini kerana bagi yang memperoleh pinjaman pendidikan, anda mempunyai tanggungjawab untuk melangsangai pembayaran kelak.

Perlu difahami bahawa anda akan kembali ke pangkuhan masyarakat. Justeru itu, bina jaringan kerjasama bersama komuniti kerana khidmat anda diperlukan oleh masyarakat. Terapkan kepatuhan kepada suruhan Tuhan dan berdoa agar dipermudahkan segala urusan. Sentiasa berusaha untuk menjaga nama baik keluarga. Bermuhasabah dan hadiahkan kejayaan untuk ibu bapa serta untuk diri anda sendiri.

PROFESOR MADYA

DR. MOHAMED ALI HANIFFA,

Pengerusi Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kepujian, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Rencana



MOHD. AYOP
ABD. RAZID

UJIAN kehidupan adalah kepastian yang akan dilalui oleh manusia di muka bumi ini. Ia ditentukan oleh Allah SWT untuk menguji keimanan, ketakwaan dan kesabaran hamba-hambaNya. Semua akan diuji, hatta para nabi dan rasul juga diuji. Sama ada hamba-hambanya beriman atau tidak beriman kepadaNya pasti akan menerima dan melalui ujian kehidupan.

Ujian kehidupan ini pelbagai, sama ada dalam bentuk kesusahan maupun kesenangan, kesakitan, penderitaan, ketakutan, kelaparan, wabak penyakit dan bencana alam. Malah, pelbagai krisis kehidupan yang dilalui manusia sama ada secara individu maupun masyarakat adalah juga ujian yang datang dari Tuhan Yang Maha Berkasra.

Hakikatnya, baik dan buruk yang dilalui dalam kehidupan ini semuanya adalah ujian buat manusia di dunia yang bersifat fatamorgana. Dalam surah *al-Ankabut*, ayat 1-2, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Patutkah manusia menyangka bahwa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata "kami beriman", sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya, Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian yang demikian, nyata apa yang diketahui Allah mengenai orang-orang yang sebenarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuiNya mengenai orang-orang yang berdusta."

Demikian juga dalam surah *Al-Mulk*, ayat 2, Allah SWT berfirman, "Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup kamu untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu, siapakah diantara kamu yang baik amalnya dan ia Maha Kuasa membala amal kamu, lagi Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat".

Ujian kehidupan ini sudah tentu termasuk musibah tertentu seperti bencana alam. "Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan" (*Al-Baqarah*: 155).

Bila ujian kehidupan datang melanda maka sama ada seseorang itu reda atau tidak pasti ia perlu melaluinya. Bagi orang beriman, pastinya ujian yang datang diterima



ISLAM tidak menjadikan musibah sebagai perkara yang sia-sia kerana bagi yang reda akan diberi ganjaran pahala dan hikmah-hikmah tertentu.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Hadapi musibah banjir dengan reda, tawakal

“

Kehidupan di dunia ini tidak sunyi daripada ujian, musibah dan malapetaka, tiada siapa boleh terlepas daripada berdepan cabaran dalam kehidupan.”

dengan reda, tawakal dan jika ujian itu berupa kesenangan buatnya maka ia akan bersyukur dan tidak lupa akan kedudukannya sebagai hamba Allah. Mereka akan tetap mengingati Allah walaupun ketika menerima ujian, "Iaitu orang-orang yang apabila ditimpah musibah, mereka mengucapkan innaa illaahi wa innaa ilaihi raaifi'uun" (*Al-Baqarah*, ayat 156).

Ketika ini negara sedang berdepan musim tengkujuh yang antara risiko atau kesannya ialah terjadinya kejadian atau musibah tanah runtuh, banjir dan sebagainya. Banjir yang sedang melanda beberapa buah negeri ketika ini sudah tentu menimbulkan pelbagai kesulitan (ujian), terutamanya kepada mangsa-mangsa banjir. Mereka mungkin mengalami kerugian harta benda, malah ada yang

kehilangan nyawa. Semua ini boleh memberi tekanan kepada mental dan emosi.

Dalam saat seperti inilah kita mesti tingkatkan kesabaran dan keyakinan pada Allah. Islam tidak menjadikan musibah sebagai perkara yang sia-sia kerana bagi yang reda akan diberi ganjaran pahala dan akan ada hikmah-hikmah tertentu di sebaliknya.

Di saat bencana melanda inilah maka akan ada dalam kalangan anggota masyarakat yang berpadu tenaga untuk menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk tenaga (menyelamat) atau keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan sebagainya.

Sudah tentu di pihak kerajaan melalui pelbagai agensinya seperti Agensi Bencana Alam (Nadma), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sebagainya sentiasa bersiap sedia untuk menyelamat, memindah dan menghulur keperluan kehidupan buat mangsa-mangsa banjir.

Dalam masa sama mereka yang menguruskan mangsa banjir juga akan menerima ganjaran baik di sisi Allah. Yang penting semua bentuk amal kebaikan itu dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Salah satu hikmah kemasyarakatan yang diperoleh daripada musibah

banjir ini ialah terjalinya ikatan ukhuwah kejiran dan sesama anggota masyarakat yang lain. Sikap mulia ini dijelmakan melalui gerak kerja membantu mangsa-mangsa banjir atau musibah lain oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai kumpulan masyarakat, termasuk orang perseorangan.

Sebaik-baiknya gerak kerja mulia itu perlulah melalui kerjasama dengan pihak berautoriti yang dipertanggungjawab mengurus bencana supaya tidak menimbulkan kekeliruan atau salah faham, selain dapat memberi impak yang lebih berkesan kepada kerja menyelamat dan membantu.

Pihak berautoriti pula sebaiknya tidak wajar menolak atau menafikan tindakan mana-mana pihak atau sesiapa sahaja yang mahu menghulur bantuan atas kapisiti dan kemampuan mereka.

Apa yang penting usaha-usaha membantu tidak terhenti pada pasca banjir kerana ia memberi cabaran besar terutama di kawasan-kawasan yang menghadapi banjir besar. Selepas banjir mereka akan menempuh fasa membaik pulih keadaan rumah, membersihkan rumah, mengeluarkan dan membuang barang yang rosak agar kehidupan kembali seperti sediakala.

Ada kalangan mangsa yang mungkin mengalami kerosakan rumah yang teruk, kerosakan kenderaan dan sebagainya. Pastinya kumpulan B40 dan M40 akan mengalami masalah kewangan yang besar jika keadaan ini berlaku. Ketika inilah mangsa sekali lagi memerlukan kesabaran dan tawakal yang tinggi. Justeru, elakkan sikap merungut, mengeluh dan tidak berpuas hati dengan ujian Allah.

Kerajaan pula harus prihatin supaya bantuan dan pertolongan yang sewajar diberikan kepada mangsa-mangsa banjir tanpa pilih kasih atau melewati-lewatkan bantuan. Sektor swasta dan majikan juga patut menghulurkan bantuan supaya beban yang dipikul dapat diringankan.

Kehidupan di dunia ini tidak sunyi daripada ujian, musibah dan malapetaka, tiada siapa boleh terlepas daripada berdepan cabaran dalam kehidupan. Justeru, sebagai hambaNya maka kita mesti reda dan sabar segala ketentuan dari Allah.

Pastinya yang berjaya mengharungi ujian atau musibah yang datang akan ditingkatkan kualiti keimanan dan ketakwaannya kepada Allah serta menikmati ganjaran kebaikan di akhirat kelak.

PENULIS adalah penganalisis sosiopolitik bebas.

TAJUK: MENGANGGAP SESUATU MUSIBAH SEBAGAI ANUGERAH ILAHI

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 05/12/2024

Harian Metro | Khamis 05.12.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

15

addin

BAIK SANGKA KEPADA ALLAH

Menganggap sesuatu *musibah* sebagai *anugerah Ilahi*

Bersama
Dr Muhammad
Irfan Mhd Rusdi

K

Adapun seseorang yang menerima musibah ini sebagai ujian dari Allah akan terlintas pada hatinya bahawa teguran Allah terhadapnya supaya lebih dekat kepada-Nya

ita sering kali tersalah anggap mengenai maksud dan penghayatan terhadap perkataan musibah, bala dan ujian. Oleh itu penelitian dalam perkara ini perlu diambil berat kerana ia berkaitan dengan kefahaman dan penghayatan serta maksud tersirat dalam setiap kata yang digunakan.

Dalam konteks bahasa Melayu dan Islam, musibah, bala dan ujian mempunyai makna yang berkait rapat, tetapi ada perbezaan halus dari segi maksud dan konteks penggunaannya dan ia berbeza dengan anugerah yang lebih menjurus ke arah kurnian untuk menjadikan seseorang itu mulia dari sudut pandangan Tuhan dan manusia.

Pada dasar akidah Islam, setiap perkara yang berlaku adalah ketetapan takdir Ilahi yang tidak dapat dielakkan kerana sesuatu itu tidak akan berlaku melainkan dengan kehendak-Nya sahaja, namun kita perlu perhatikan siapa penerima takdir terbabit dan sejauh mana hubungan beliau dengan Allah SWT.

Dalam konteks Islam setiap perkara yang ditakdirkan itu mesti ada sebab dan penerimaan hamba terhadap musibah terbabit itu diketogarkan kepada anugerah, bala dan ujian. Ia dilihat dari sudut penerimaan seseorang hamba terhadap apa yang berlaku kepada dirinya sendiri. Boleh jadi sesuatu yang berlaku adalah sama, tetapi apabila terkena pada seseorang yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT ia menganggap sebagai anugerah dari Allah, ada yang menganggapnya sebagai bala dan ada yang menganggap ujian dari Allah.

Sesorang yang menganggap sesuatu musibah sebagai anugerah ialah hamba yang berada pada maqam para wali kerana ia arif bahawa setiap sesuatu itu adalah anugerah terhadap hamba, betapa tinggi baik sangka ia kepada Allah sehingga ia merasakan kesusaahan, penderitaan, kemusnahan dan kerosakan itu anugerah Ilahi yang maha tinggi.

Hamba ini sudah mencapai makrifat Allah SWT. Manakala

orang yang menerima musibah ini sebagai bala dan bencana akan timbul dalam hatinya tidak puas hati dan menyalahkan orang lain akibat dari sesuatu yang berlaku, ia tidak memandang langsung dari Allah SWT yang meletakkan takdirnya kepada setiap manusia.

Hal ini berlaku kerana jauhnya dia dengan Tuhan dan hatinya begitu busuk sehingga sentiasa berburuk sangka pada Tuhan dan manusia yang lain. Perkara ini membuatkan dia lebih jauh dari Allah SWT.

Adapun seseorang yang menerima musibah ini sebagai ujian dari Allah akan terlintas pada hatinya bawah teguran Allah terhadapnya supaya lebih dekat kepada-Nya walaupun timbul kesedihan dalam hatinya, namun ia tidak mengatakan yang buruk terhadap Allah, beliau terus berdoa, memohon supaya dijauhkan dari musibah terbabit dan berusaha untuk keluar dari musibah itu dengan sedaya upaya dan akhirnya berserah pada Allah pada urusan yang tidak dapat dilaksanakan oleh dirinya sendiri.

Dalam konteks memahami segala musibah ini perlu dinilai dari sudut keimanan yang wujud dalam diri, sejauh mana kita dekat dan berserah kepada tuhan, itu yang kita sangka pada Tuhan.

Sebagai analoginya, seseorang pesakit pasti akan menyerahkan

kepada doktor pakar dalam bidangnya untuk merawat sakitnya dan pesakit itu pasti akan menurut sahaja segala nasihat yang diberikan oleh doktor terbabit, namun jika dia tidak meyakini doktor pakar terbabit pasti dia tidak menuruti segala nasihat yang diberikan.

Kenapa ada yang yakin dan ada yang tidak yakin? Hal ini kerana tahap penerimaan dan kenal kita pada doktor terbabit, jika kita benar-benar kenal doktor terbabit pasti kita menyerahkan diri kita untuk dirawat dan mengikuti nasihat yang diberikan.

Apakah hairannya ialah apabila kita mencari doktor, tetapi kita tidak percaya kepada doktor, keadaan ini dianggap sebagai musibah dan bala yang besar, mengapa perlu dibelanjakan hartanya kepada perawat yang dia tidak yakin, bukankah itu bercanggah dengan kefahaman dan keyakinan beliau?

Pada musim sekarang ada beberapa negeri yang terbabit dengan banjir dan hampir memusnahkan seluruh barang

"Tidak ada sesuatu musibah yang menimpakan seseorang melainkan dengan izin Allah"

Surah At-Taghabun, ayat 11

berharga dalam rumah, banjir yang berlaku menyebabkan ramai yang terjejas dengan kemusnahan serta kerosakan, semua kemusnahan itu hampir sama dirasai setiap orang yang terbabit, tetapi ada perbezaan dari segi penerimaan diri terhadap musibah terbabit, ada yang menganggap ia bala dan ada yang menganggap ia ujian dari Allah.

Hal ini kerana dilihat dari sudut penerimaan seseorang hamba terhadap musibah tersebut. Yang hebatnya dalam kalangan mereka yang menerima takdir-Nya sebagai anugerah dari Allah, mungkin kerana keadaan itu membuatkan seseorang menjadi mulia dengan sebab banjir terbabit.

Firman Allah: "Tidak ada sesuatu musibah yang memimpakan seseorang melainkan dengan izin Allah." (Surah At-Taghabun: 11)

Ketiga-tiga istilah ini mengingatkan manusia bahawa kehidupan adalah perjalanan yang penuh cabaran dan ketentuan Ilahi. Hamba yang beriman hendaklah menerima semua ini dengan sabar, syukur dan usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Penulis Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam



MEREKA yang menerima takdir-Nya sebagai anugerah dari Allah, mungkin kerana keadaan itu membuatkan seseorang menjadi mulia dengan sebab banjir. - Gambar hiasan



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

"Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) - untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka."

(Surah az-Zalzalah, ayat 6)

TAJUK: CELIK MENGURUS KEWANGAN SEBAHAGIAN TUNTUTAN AGAMA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

TARIKH : 06/12/2024

BH Jumaat, 6 Disember 2024

Agama

23

Celik mengurus kewangan sebahagian tuntutan agama

Tatakelola lebih baik hindari daripada pembaziran, elak sifat bakhil

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Celik pengurusan kewangan perlu menjadi matlamat utama umat Islam masa kini bukan sahaja untuk merancang perbelanjaan, bahkan menguruskan hutang dengan lebih sistematis.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Fuadah Johari, berkata celik dan mahir selok-belok pengurusan kewangan adalah sebahagian daripada tuntutan agama.

Katanya, perspektif pengurusan kewangan teratur amat dituntut agama dan umat Islam seharusnya melakukan anjakan minda dalam memastikan disiplin tatakelola kewangan lebih baik.

"Islam melarang pembaziran (isyraf) serta bersifat bakhil serta kedekut dan hal ini orang ramai khususnya kalangan Muslim amat digalakkan membuat perancangan berhemah."

"Dalam konteks ini, umat Is-

lam harus memahami prinsip asas maqasid syariah, iaitu pengurusan kewangan adalah amanah untuk menjaga maslahah (kepentingan) kehidupan seperti perlindungan keperluan asas, kesejahteraan keluarga dan pemeliharaan amanah harita sebaiknya.

"Masyarakat Islam juga dituntut mengamalkan disiplin kewangan dengan berbelanja mengikut kemampuan, mengutamakan keperluan berbanding kehendak dan menyimpan untuk masa hadapan," katanya.

Pengurusan patuh syariah
Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai disiplin kewangan dan kefahaman umat Islam, termasuk persediaan tabungan bagi menuaikan haji kelak.

Fuadah yang juga Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam menjelaskan, tuntutan meningkatkan literasi kewangan Islam penting bagi memastikan pengurusan kewangan patuh syariah, tersusun dan sistematis serta diusuli perancangan teliti bagi menjamin kesejahteraan kewangan ummah.

"Literasi kewangan Islam akan membolehkan Muslim lebih memahami konsep zakat, sedekah dan wakaf yang bukan sahaja mendisiplinkan kewangan peribadi, tetapi memberikan manfaat kepada masyarakat."

"Justeru, tindakan boleh dilakukan untuk mencapai tahap



Umat Islam dituntut menguruskan kewangan dengan baik supaya menghindari pembaziran dan menggunakan mengikut keperluan.

(Foto hiasan)

literasi kewangan lebih baik adalah menerusi pendidikan kewangan Islam secara meluas supaya ia dapat membangkitkan lagi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya memahami konsep kewangan patuh syariah.

"Dalam hal ini, kursus atau bengkel pengurusan kewangan Islam patut dianjurkan seperti di masjid, sekolah dan komuniti," katanya.

Beliau berkata, langkah seterusnya ialah mengetengahkan modul-bajet dan pelaburan berdasarkan prinsip syariah supaya seseorang dapat merancang kewangan berdasarkan keutamaan Islam.

"Perkara ini dapat dilakukan dengan membuat perancangan takaful untuk melaburkan harta dalam instrumen patuh syariah seperti sukuk, saham patuh syariah atau dana unit amanah Islam serta mengelak pelaburan dalam sektor dilarang seperti riba, perjudian atau produk haram."

"Seterusnya, umat Islam perlu didehdahkan dengan budaya amalan dermawan menerusi galakan umat Islam menyumbang melalui wakaf, sedekah atau infak yang berpotensi mengukuhkan institusi kebajikan Islam," katanya.

Katanya, ia juga dilakukan dengan usaha dapat memperkasaan institusi zakat, wakaf dan baitulmal untuk membantu orang Islam memerlukan sokongan kewangan, sekali gus memastikan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat.

Bakal haji perlu merancang

Dalam pada itu, beliau berkata, untuk memastikan bakal haji mempunyai simpanan mencukupi, bakal jemaah perlu merancang secara berhemah.

"Kewajipan menuaikan haji hanya tertakluk kepada mereka berkemampuan, namun apabila ada orang Islam mengharapkan bantuan kewangan daripada saudara-mara atau jiran untuk mencukupkan simpanan mereka, ia menunjukkan keperluan mendesak memperkuatkan budaya perancangan kewangan dalam kalangan umat Islam."

"Justeru, bagi mengelakkan perkara ini berlaku dalam kalangan masyarakat, orang Islam perlu memulakan tabungan awal, termasuk membuka akaun simpanan haji di Tabung Haji seawal mungkin."

"Tabungan secara konsisten, walaupun dalam jumlah kecil akan memberikan peluang untuk mengumpul dana dalam jangka masa panjang."

"Ibu bapa perlu bertindak membuat simpanan untuk anak-anak khusus untuk tujuan menuaikan haji, sebagai langkah awal membudayakan perancangan kewangan dalam keluarga."

"Kita perlu membudayakan konsep istiqamah menabung sebagai disiplin dan menjadi sebahagian daripada rutin kewangan, mengutamakan prinsip 'menyimpan sebelum berbelanja', katanya."

Ini adalah selari dengan konsep asal penubuhan Tabung Haji seperti yang diilhamkan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz bagi mendidik disiplin pengurusan kewangan dalam kalangan masyarakat Melayu untuk mencapai cita-cita menuaikan haji di Tanah Suci."

"Semestinya perlu ada anjakan pemikiran yang lebih maju ke hadapan kerana kita tidak mahu lagi melihat masyarakat kita berkorban harta, binatang ternakan dan tanah semata-mata untuk mencukupkan tabungan bagi menuaikan haji seperti suatu ketika dahulu."



Penubuhan Tabung Haji mendidik umat Islam dalam aspek pengurusan kewangan untuk mencapai cita-cita menuaikan haji di Tanah Suci.

(Foto hiasan)

Mahasiswa mesti rawat kesihatan mental demi kecemerlangan diri

BH 6/12 M/S II

Oleh Hainany Idayu Yazid

bhrenanca@bh.com.my



Ketua Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Kesihatan mental merujuk kepada keadaan emosi, psikologi dan sosial seseorang individu yang boleh mempengaruhi rutin kehidupan dan pekerjaan, pemikiran, perasaan dan tingkah laku serta tindakan dan komunikasi individu dengan orang lain.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), kesihatan mental seseorang berada dalam keadaan 'sejahtera' apabila individu itu sedar keupayaan diri, boleh mengendali terkalan dengan baik dan bekerja secara produktif serta mampu menyumbang kepada keluarga dan masyarakat.

Berdasarkan Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), 2022, seramai 424,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami isu kesihatan mental. Peratusan remaja mempunyai kemurungan serta terbabit dengan niat ingin membunuh diri dan per-cubaan bunuh diri juga menunjukkan peningkatan.

Menurut laporan polis, sebanyak 1,142 kes bunuh diri direkodkan pada 2021 berbanding 631 kes pada 2020. Data ini menunjukkan peningkatan amat ketara iaitu bersamaan dengan 81 peratus dan amat membimbangkan.

Isu kesihatan mental turut meningkat dalam kalangan mahasiswa terutama mengalami tekanan dan kemurungan. Ini bukan perkara baharu dan berlaku secara bermusim.

Antara cabaran kaunselor mendepani isu kesihatan mental adalah wujud stigma terhadap isu kesihatan mental tinggi dalam kalangan mahasiswa. Perasaan malu mengakui dan cuba menyembunyikan penyakit serta isu dihadapi mereka dilihat menyukarkan kaunselor atau pegawai psikologi dalam proses membantu.

Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai kesihatan mental dan kesedaran bantuan boleh diperoleh mahasiswa berpuncak daripada personaliti pesimistik.

Peranan pegawai psikologi dan kaunselor

Secara tidak langsung, cabaran dan peranan pegawai psikologi dan kaunselor di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk memastikan kesihatan mental mahasiswa sentiasa berada di tahap optimum semakin membesar dan kian mencabar.

Hakikatnya, IPT sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan mahasiswa berada pada tahap terbaik melalui pelbagai usaha di pusat kaunseling.

Pengurusan mental berkualiti amat perlu bagi menjamin kestabilan emosi, daya tahan serta pengurusan emosi dalam usaha mendepani ancaman

luar jangka. Isu kesihatan mental ini perlu ditangani sebaik mungkin bagi memastikan universiti dapat menghasilkan pelajar mempunyai minda sihat dan sejahtera.

Peranan kaunselor juga sangat diperlukan dalam membudayakan kaunseling sebagai sistem sokongan di samping mengangkat martabat profesi ini bagi menangani isu kesihatan mental.

Kaunselor perlu bersedia mendengar dan membantu serta sentiasa memberi komitmen tanpa mengenal waktu melalui proses kaunseling berterusan.

Situasi ini jelas menunjukkan kaunselor bertindak sebagai pemain utama bagi memastikan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) me-lahirkan graduan holistik tercapai.

Kini, peranan kaunseling dipandang tinggi dan membuktikan tahap profesionalisme dihargai serta diyakini. Fungsi kaunselor selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional sekali gus membawa kepada kehidupan masyarakat harmoni.

Proses kaunseling menjadi salah satu ejen perubahan kesejahteraan insan. Oleh itu, warga kampus khususnya mahasiswa perlu faham betapa mencari bantuan bukan tanda kelemahan, tetapi satu langkah berani dan bingkas menuju pemulihan ke arah pertumbuhan positif.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PELAJAR POLITEKNIK PORT DIKSON WAKILI MALAYSIA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

TARIKH : 07/12/2024

Pertandingan Robot Sumo 3 Jepun

6H 7/12 MS18

Pelajar Politeknik Port Dickson wakili Malaysia

Port Dickson: Politeknik Port Dickson (PPD) mencipta sejarah apabila pelajarnya terpilih mewakili Malaysia pada kejohanan berprestij Grand Final All Japan Robot Sumo Tournament 2024 di Tokyo, Jepun, bermula hari ini dan esok.

Pelajar jurusan Diploma Mekatronik, PPD, Aliff Iskandar Ahmad Afandi, 20, akan mewakili Pasukan MARK III bagi membawa cabaran dalam pertandingan itu.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PPD, Norhazlina Amon berkata, sebelum ini pada 26 hingga 27 November lalu, sudah berlangsung pertandingan Robot Sumo 3 kilogram (kg) magnetik anjuran Petrosains di Stadium JuaraBukit Kiara.

"Dalam pertandingan itu, Team Robot Sumo Mark III yang disertai pelajar PPD dengan kerjasama Alumni PPD, berjaya memenangi kategori berkenaan," katanya.

Kesinambungan daripada pertandingan itu, Petrosains mendapat tiket penyertaan daripada pengajur All Japan Robot Sumo World untuk menghantar wakil



Aliff Iskandar mewakili Pasukan MARK III bagi membawa cabaran pertandingan Grand Final All Japan Robot Sumo Tournament 2024.

(Foto ihsan FB Politeknik Port Dickson)

ke sana.

"Pihak Petrosains memberikan tawaran tiket pertandingan itu kepada Team Mark III dengan kos perbelanjaan sendiri ke sana.

"Team Mark III menerima tawaran itu dan terus didaftarkan pihak Petrosains dengan menamakan Team Mark III sebagai wakil MalaysiaA dalam pertandingan peringkat antarabangsa itu," katanya.

Beliau berkata, Aliff Iskandar

adalah pelajar yang aktif dalam bidang robotik dan juga wakil PPD dalam pertandingan FIRA peringkat kebangsaan bagi setiap tahun sejak semester satu lagi.

"Dia juga aktif dalam beberapa pertandingan robot sumo yang lain atas dasar minatnya yang mendalam memudahkan tugas bagi melatihnya mahir mengendalikan robot," katanya.

Beliau bangga atas usaha ke-

ras dan dedikasi yang dipamerkan dalam pertandingan diadakan sebelum ini.

"Bertanding di peringkat dunia adalah pencapaian luar biasa yang tidak semua orang dapat merasa, cuma nasihat saya lakukan yang terbaik dan bukan hanya untuk meraih kemewangan, tetapi juga untuk menunjukkan semangat, disiplin dan kerjasama yang membawa pasukan ke tahap ini," katanya.

Program latihan industri perlu lebih teratur, ikut realiti pekerjaan



NAJWA
MOHD NASIR

DALAM dunia yang semakin kompetitif dan berorientasikan teknologi, pemerksaan latihan industri memainkan peranan penting dalam melahirkan bakat masa depan yang mampu bersaing di peringkat global.

Di Malaysia, program latihan industri bukan sekadar menunjang keperluan akademik, tetapi menjadi jambatan yang menghubungkan teori dengan realiti pekerjaan sebenar.

Melalui penambahbaikan kandungan pembelajaran dalam sesuatu program atau kursus mengikut keperluan industri semasa, universiti bukan sahaja membentuk graduan yang berkemahiran tinggi, malah mencipta tenaga kerja yang inovatif dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

Kelemahan dalam kemahiran praktikal dalam kalangan pelajar semasa latihan industri sering menjadi cabaran utama yang memberi impak kepada kualiti hasil kerja serta mengurangkan keyakinan mereka untuk berinteraksi dan beradaptasi dalam persekitaran industri yang sebenar.

Kekurangan pendedahan kepada situasi praktikal dan teknologi terkini menyebabkan mereka berasa kurang bersedia, seterusnya menjelaskan kemampuan untuk menjalinkan hubungan yang lebih proaktif dengan pengamal industri.

Justeru, pelajar perlu mengambil inisiatif untuk mempersiapkan diri dengan membangunkan daya pemikiran yang kritis dan matang sejak awal lagi, agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia industri dan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan profesional yang semakin kompleks. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan dan industri bekerjasama untuk memperkuat kurikulum sedia ada dengan lebih banyak latihan praktikal serta simulasi dunia sebenar, agar pelajar lebih bersedia menghadapi cabaran pekerjaan dan tampil



LATIHAN industri harus merangkumi pelbagai aspek, termasuk perancangan projek, penyelesaian masalah, dan pengurusan sumber, yang memungkinkan pelajar untuk memperoleh pengalaman yang lebih luas dan relevan dengan keperluan industri.

yakin dalam melaksanakan tugas mereka.

Kecenderungan majikan untuk memilih calon yang memiliki kebolehpasaran dan produktiviti yang tinggi merupakan perkara yang tidak boleh diabaikan, malah harus dijadikan sebagai faktor utama dalam merangka strategi persediaan yang efektif bagi pelajar sebelum melangkah ke latihan industri.

Fenomena yang kerap kali berlaku iaitu pelajar yang kembali dari latihan industri seolah-olah tidak mempunyai pengalaman atau kemahiran yang signifikan disebabkan kurangnya pendedahan kepada tugas bersifat kritikal dan lebih kepada bersifat rutin.

Sebagai contoh, pelajar sering kali hanya diberikan tugas-tugas pentadbiran atau kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan kemahiran teknikal yang kritis, yang sepatutnya menjadi fokus utama dalam industri masa kini.

Keaduan ini menyebabkan mereka tidak diberi peluang yang mencukupi untuk mengasah kemahiran praktikal yang diperlukan, sekaligus menghalang mereka daripada meningkatkan kebolehpasaran dan kesiapsiagaan mereka dalam menghadapi cabaran industri.

Justeru itu, langkah paling terbaik adalah melalui jalinan kerjasama yang lebih strategik antara pihak institusi dan

“

Kelemahan dalam kemahiran praktikal dalam kalangan pelajar semasa latihan industri sering menjadi cabaran utama yang memberi impak kepada kualiti hasil kerja...”

industri untuk memahami keperluan dan trend semasa di pasaran kerja.

Ini termasuk memastikan bahawa kurikulum yang ditawarkan relevan dengan kemahiran teknikal yang diperlukan dalam industri, serta memastikan bahawa latihan industri yang disediakan memberi pendedahan yang mencukupi kepada tugas-tugas yang bersifat kritikal dan mencabar.

Tambahan itu, program latihan industri yang lebih terstruktur perlu diwujudkan dengan objektif yang jelas dan skop tugas yang terperinci.

Latihan ini harus merangkumi pelbagai aspek, termasuk perancangan projek, penyelesaian masalah, dan pengurusan sumber, yang

memungkinkan pelajar untuk memperoleh pengalaman yang lebih luas dan relevan dengan keperluan industri.

Tidak dinafikan bahawa pihak institusi telah mengambil pelbagai inisiatif melalui penganjuran bengkel dan kursus kepada pelajar sebelum melangkah ke latihan industri.

Walaubagaimanapun, bengkel atau kursus yang diadakan mungkin tidak cukup menekankan kemahiran teknikal yang sebenarnya diperlukan dalam industri. Kadang-kadang, program tersebut lebih fokus kepada teori atau kemahiran umum yang tidak mencerminkan tugas-tugas sebenar yang akan dihadapi oleh pelajar semasa latihan industri.

Tanpa pendedahan kepada kemahiran yang tepat, pelajar akan menghadapi kesulitan untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam situasi industri yang sebenar.

Selain itu, tempoh kursus dan bengkel yang diberikan terlalu pendek atau tidak cukup mendalam untuk memberikan kesan yang signifikan kepada pelajar.

Program yang terlalu singkat mungkin tidak memberi masa yang cukup bagi pelajar untuk menguasai kemahiran praktikal atau menyelami dengan mendalam apa yang diperlukan dalam industri.

Pelajar memerlukan lebih

banyak masa untuk mengasah kemahiran mereka dan mempersiapkan diri untuk cabaran dunia pekerjaan yang sebenar.

Justeru itu, pihak institusi perlu mempertimbangkan untuk memanjangkan tempoh latihan atau mengaturkan program latihan praktikal yang lebih intensif dan berterusan.

Pihak institusi boleh bekerjasama dengan industri untuk menyediakan sesi latihan yang lebih mendalam dan sesuai dengan keperluan sebenar sektor pekerjaan, dengan memberi pelajar peluang untuk menjalani pengalaman langsung dalam situasi industri yang realistik.

Selain itu, program-program ini harus dirancang supaya mempunyai keseimbangan antara teori dan aplikasi praktikal, dengan memberi pelajar masa yang mencukupi untuk menguasai kemahiran tertentu, serta menyokong pembelajaran berterusan melalui mentor industri dan bimbingan secara individu, supaya pelajar lebih bersedia dan mampu menghadapi cabaran dunia pekerjaan selepas tamat latihan industri.

Pihak institusi perlu menyemak dan mengemas kini kurikulum latihan industri agar ia selaras dengan keperluan industri terkini.

Membangunkan kerjasama yang lebih intensif dengan industri juga merupakan langkah yang sangat penting, terutamanya bagi institusi yang masih rendah penglibatannya, dengan menjemput pengamal industri untuk memberi ceramah, menjalankan bengkel, atau bertindak sebagai mentor kepada pelajar.

Selain itu, mewujudkan program industri yang lebih terstruktur akan memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat pengalaman langsung yang lebih relevan.

Seiring dengan usaha memperkasakan latihan industri, pihak institusi juga harus memperkemas sistem pemantauan dan penilaian sepanjang latihan industri bagi memastikan kemajuan pelajar dapat dipantau dengan lebih berkesan.

NAJWA Mohd Nasir ialah Pensyarah Universiti, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BAHASA KOLOKIAL DAN DIALEK SEBAGAI PELAJARAN PENGAJIAN KEBANGSAAN DI IPT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 16

TARIKH : 10/12/2024

16

Utusan Malaysia
SELASA • 10 DISEMBEN 2024

Rencana

INTEGRASI MINDA



Oleh Jessica Ong Hai Liaw & Rabi'ah tuladawayah Md. Saleh

BAHASA kolokial merujuk kepada bahasa yang digunakan dalam percakapan sehari-hari, biasanya dalam situasi yang lebih santai dan tidak formal. Perbezaan ketara bahasa kolokial dengan bahasa rasmi ialah cara penggunaan dalam konteks penulisan rasmi, ucapan rasmi atau dokumen yang memerlukan penggunaan bahasa yang lebih baku dan teratur serta mempunyai sistem penulisan yang bersistematis.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang, menerusi ucapannya dalam Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti 2024 anjuran Arkib Negara pada tahun ini menyatakan hasrat agar negara dapat mengumpulkan dan mendokumentasikan maklumat mengenai bahasa kolokial supaya ia dapat kekal terpelihara selain sebagai rujukan generasi akan datang.

Apa sebenarnya kepentingan bahasa kolokial dalam memperkuat pembinaan negara bangsa seperti yang telah digagaskan melalui madani? Signifikannya bahasa kolokial amat penting bagi memperkuatkan citra jadi diri setiap etnik sebagai paksi kepada citra kebudayaan serta peradaban bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan keturunan.

Perlambangan kebijaksanaan etnik dan keturunan terserah melalui kosa kata bahasa kolokial yang dimiliki, ia sudah tentu meliputi pelbagai kearifan tempatan.

Ciri utama bahasa kolokial adalah kesederhanaannya, yang mungkin melibatkan penggunaan perkataan atau frasa yang lebih ringkas dan kadang kala tidak mengikuti peraturan tatabahasa yang ketat. Selain itu, ia boleh mengandungi pengaruh dialek tempatan, slanga atau ekspresi khas yang wujud dalam sesebuah komuniti atau kawasan tertentu.

Bahasa kolokial juga sering berubah mengikut zaman, dengan istilah atau ungkapan baru yang muncul seiring dengan perkembangan budaya dan teknologi. Dalam teori Variasi Bahasa berpendapat bahasa tidak statik, tetapi

Bahasa kolokial dan dialek sebagai pelajaran pengajian kebahasaan di IPT



KONVENSYEN Kebangsaan Bahasa Kolokial yang berlangsung turut mengumpul input daripada pelbagai pihak dalam usaha melestarikan dan mendokumentasikan bahasa kolokial bagi generasi akan datang.

“
Kamus bahasa kebangsaan juga perlu diperluaskan supaya merangkumi kosa kata daripada dialek dan bahasa kolokial yang jarang digunakan.”

sentiasa berubah mengikut konteks sosial, budaya, dan geografi. Bahasa kolokial adalah salah satu bentuk variasi bahasa yang digunakan dalam situasi tidak formal.

Menurut teori ini, bahasa kolokial adalah hasil daripada penggunaan bahasa yang berbeza dalam kalangan kumpulan sosial yang tertentu. Variasi bahasa ini wujud berdasarkan beberapa faktor, seperti usia, kelas sosial, etnik dan tempat tinggal.

Teori Pembentukan Dialek mengkaji bagaimana dialek terbentuk dan berkembang dalam sesebuah masyarakat. Pembentukan dialek biasanya berkait rapat dengan isolasi geografi, sejarah migrasi dan pemisahan sosial.

Apabila kelompok manusia

terpisah dari kelompok yang lain (baik kerana jarak geografi atau perbezaan sosial), mula berkembang membentuk bahasa mereka sendiri yang berbeza daripada kelompok asal. Ini menghasilkan dialek yang berbeza di dalam satu bahasa yang sama.

Bahasa dialek merujuk kepada variasi bahasa yang digunakan oleh sekumpulan masyarakat dalam kawasan geografi tertentu, yang berbeza daripada bahasa standard atau bahasa rasmi.

Dialek biasanya dipengaruhi oleh faktor geografi, sejarah dan budaya masyarakat yang menggunakan. Sistem bahasa ini merangkumi perbezaan dalam sebutan (fonologi), tatabahasa (sintaksis) serta kosa kata (leksikal) berbanding dengan bahasa standard.

Bahasa kolokial ini turut berperanan menyerlahkan identiti etnik yang sudah tentu memiliki keistimewaan tersendiri khususnya dalam aspek tradisi dan warisan. Kesopanan dan kesusilaan merupakan prinsip kelima Rukun Negara adalah manifestasi menyerlahkan wibawa serta paksi yang dimiliki oleh bahasa kolokial rakyat negara ini.

Prinsip kelima ini sudah tentu ingin mewujudkan masyarakat yang memiliki

akal budi tinggi dan kestabilan citra diri turut akan dapat dijelmakan kepada kepakaran profesional diri masing-masing dan seterusnya memberikan impak kepada citra negara di mata dunia.

Usaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam menjadikan bahasa kolokial dan dialek tempatan sebagai sukan pelajaran di institusi pendidikan tinggi adalah langkah progresif untuk memperkasa warisan linguistik di Malaysia.

Menurut Aaron lagi, melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), subjek ini dapat diwujudkan dalam bentuk program pendidikan yang mengintegrasikan unsur penceritaan, puisi dan seni persembahan dalam bahasa kolokial, yang bakal menanam rasa penghargaan terhadap budaya bahasa tempatan dalam kalangan pelajar.

Aaron menambah, kamus bahasa kebangsaan juga perlu diperluaskan supaya merangkumi kosa kata daripada dialek dan bahasa kolokial yang jarang digunakan. Ini akan memperkaya bahasa rasmi negara dan menjadikannya lebih berakar kepada budaya tempatan. Beliau turut mengesyorkan agar kajian meluas dijalankan di seluruh negeri, meliputi

pelbagai bangsa dan etnik, dengan hasil kajian diterbitkan untuk rujukan.

Selain itu, Aaron berharap Arkib Negara Malaysia turut akan dapat memainkan peranan dalam mendigitalisasi teks lama, rakaman suara, dan dokumen penting dalam bahasa kolokial, dengan tujuan untuk memelihara khazanah warisan tersebut agar mudah diakses oleh generasi akan datang.

Pendokumentasi yang sistematik turut akan dapat membantu memperkaya khazanah arkib negara berkaitan warisan bahasa yang dimiliki oleh etnik di negara ini.

KOMITMEN

Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman dari Arkib Negara menyatakan komitmen pihaknya dalam mengumpulkan maklumat bahasa kolokial dan dialek menerusi kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan pakar bahasa.

Dokumentasi ini bertujuan mengelakkan kepupusan bahasa tempatan, sekali gus menjadikannya warisan berharga negara.

Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial yang berlangsung turut diadakan untuk mengumpulkan input daripada pelbagai pihak dalam usaha melestarikan dan mendokumentasikan bahasa kolokial bagi generasi akan datang.

Usaha mengukuhkan bahasa kolokial dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pendidikan akan dapat meningkatkan citra kepada keunikan serta kepelbagai sumber bahasa kebangsaan.

Bahasa kebangsaan yang digunakan dalam pendidikan serta urusan pentadbiran kerajaan akan terus dilestarikan dan wawasan melihat bahasa ini akan terus diperkasa akan dapat direalisasikan.

■ PROFESOR Madya Dr. Jessica Ong Hai Liaw ialah Pakar Psikologi Bahasa di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Fellow Institut Masa Depan Malaysia (MASA).

■ RABI'AHTULADAWYAH Md. Saleh ialah Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

TAJUK: ADAB TANPA ILMU SATU KERUGIAN, ILMU TANPA ADAB SATU FITNAH

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 10/12/2024

Harian Metro | Selasa 10.12.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

15

addin

SYARAT UTAMA KEPERIBADIAN MUSLIM

Adab tanpa ilmu satu kerugian, ilmu tanpa adab satu fitnah



Fahimi Zakaria



Jika ramai intelektual sekalipun dalam sesebuah tamadun, namun tiada adab, maka binasa dan sia-sia sahaja nilai sesebuah tamadun itu.



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat
“Serta mencetuskan api dari telapak kakinya,”
(Surah al-'Aadiyat, ayat 2)

dab dan ilmu dua perkara penting yang mesti diperoleh dengan kaedah yang betul supaya manusia itu dapat membentuk dirinya dengan proses pendidikan agama.

Dua perkara ini adalah syarat utama dalam keperluan keperibadian Muslim yang akan memandu tindak-tanduknya berdasarkan kehendak agama.

Adab tanpa ilmu satu kerugian manakala ilmu tanpa adab pula satu fitnah, justeru kedua-dua adab dan ilmu perlu dicapai secara sempurna kerana dengan kedua-duanya akan menyempurnakan agama seseorang.

Namun, antara kedua-duanya ada yang pertama dan yang kedua, adapun yang pertama ialah adab sementara yang kedua pula barulah ilmu.

Jika dia hanya beradab, tetapi tiada ilmu, maka menjadi satu kerugian baginya kerana perjalannya tanpa destinasi. Jika dia hanya berilmu, tetapi tiada adab, maka sesungguhnya fitnah besar atas dirinya kerana perjalannya satu yang ajaib kerana tiada permulaan tiba-tiba sampai ke destinasi.

Justeru, al-Quran menjelaskan keperibadian yang ada pada diri Rasulullah SAW sebagai pengiktirafan yang paling tinggi, iaitu: “Sesungguhnya engkau memiliki budi pekerti yang paling agung.” (Surah al-Qalam: 4)

Menurut Imām Ibnu Kathir, seorang sahabat bernama Sa'ad bin Hisyam bertanya kepada Saidatuna Aishah RA mengenai bagaimana akhlak baginda SAW, lalu beliau menjawab: “Akhlak baginda ialah (seperti di dalam) al-Quran.” (Tafsir Ibn Kathir)

Imam al-Suyuti memuatkan sebuah hadis daripada 'Abdullah bin Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Tuhanku mengajarku tentang adab, lalu Dia memperelokkan adabku.” (al-Jami' al-Saghir)

Kata-kata yang masyhur daripada Imām Mālik kepada seorang budak: “Wahai anakku, belajarlah adab sebelum kamu belajar ilmu,” ini jelas menunjukkan perihal adab adalah langkah pertama dalam sebuah perjalanan menuju destinasi.

Tanpa adab, ilmu yang dicari

hanya mengundang fitnah kepada diri dan agama.

Abdullah bin Mubarak pernah berkata: “Kami sangat berhajat kepada adab berbanding hadis (ilmu),” maka adablah penentu aras keperibadian seseorang sebelum bicara soal ilmunya atau sijil pengajiannya.

Begitu dalam konteks pendidikan kekeluargaan, ibu bapa seharusnya menerapkan akhlak dan adab dalam diri ahli keluarga sejak dari rumah sebelum mereka menuju alam persekolahan, kampus dan perkerjaan.

Ibu bapa yang beradab akan bertindak mengikut akal yang sempurna, bercakap dengan anak-anak secara lemah lembut dan penuh kasih sayang.

Suami dan isteri yang beradab pula sentiasa hormat-menghormati dan saling memuliakan antara satu sama lain. Begitu juga anak-anak yang beradab akan merendahkan suara di hadapan ibu bapa, segera memenuhi permintaan mereka dan sentiasa memohon reda mereka dalam apa juar tindakan.

Seterusnya manusia yang beradab akan sentiasa menghormati orang lain walau siapa pun dan apa pun pekerjaan orang itu.

Agama tidak membezakan kedudukan manusia sama ada raja atau rakyat jelata, bangsawan atau fakir miskin, ulama atau orang awam,

majikan atau pekerja. Agama hanya memuliakan seseorang itu dengan ketakwaan yang dimilikinya.

Justeru, al-Quran menegaskan: “Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa daripada kalangan kamu.” (Surah al-Hujurat: 13)

Takwa terhasil daripada adab yang dibina dalam diri manusia, lalu adunan ilmu dan proses pendidikan yang berlaku secara konsisten sehingga gabungan adab dan ilmu terbabit melahirkan perasaan takut kepada Allah SWT dan seterusnya menjadikan dirinya hamba yang bertakwa.

Selepas langkah permulaan itu betul mengikut syaratnya, maka barulah belajar ilmu pula. Ilmu bermanfaat yang meliputi ilmu dunia dan akhirat, ilmu kehidupan dan ilmu agama.

Sesungguhnya tempoh belajar adab jauh lebih panjang berbanding belajar ilmu seperti kata Imām Sufyan al-Thawri: “Jika seorang itu mahu menulis hadis (yakni berbicara soal ilmu), maka dia hendaklah belajar adab terlebih dahulu selama 20 tahun.” (Ilyah al-Awliya')

Ini matlamat utama perutusan baginda SAW buat masyarakat Arab jahiliah yang ratusan tahun lamanya hidup dalam kerosakan akhlak, kehidupan tanpa kasih sayang dan tiada ketamadunan. Sabda baginda SAW:

“Sesungguhnya aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak.” (Riwayat al-Baihaqi)

Kesimpulan daripada perbincangan ini, kita sewajarnya mendidik diri, keluarga dan masyarakat dengan pendidikan adab sejak dari rumah sebagai proses pembinaan tamadun Islam yang lebui berkualiti.

Rukun negara yang terakhir berbunyi kesopanan dan kesilaan sangat jelas menunjukkan hasrat negara untuk melahirkan warga yang mengamalkan prinsip rukun negara melalui pembudayaan nilai adab.

Jika ramai intelektual sekalipun dalam sesebuah tamadun, namun tiada adab, maka binasa dan sia-sia sahaja nilai sesebuah tamadun itu.

Sesungguhnya adab membuka jalan menuju ilmu, tetapi ilmu tanpa adab hanya membuka jalan-jalan fitnah dan merosakkan imej agama.

Biar masa kita terbuang lama dalam pencarian adab, tetapi tiada guna sedikitpun jika masa yang lama digunakan mencari ilmu sedangkan dirinya sompong, tiada sedikitpun manfaat buat dirinya apakah lagi agamanya.

Penulis Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam



TAKWA terhasil daripada adab yang dibina dalam diri manusia. - Gambar hiasan

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PERBETUL TANGGAPAN TVET PILIHAN PELAJAR GAGAL AKADEMIK

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT :26

TARIKH : 11/12/2024



Rabu, 11 Disember 2024 BH

Pelajar menunjukkan kemahiran mengendali dron ketika menyertai pertandingan sempena Hari TVET Negara 2024 di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat.

(Foto fail NSTP)

Perbetul tanggapan TVET pilihan pelajar gagal akademik

Ipoh: Anggapan pelajar tidak perlu bersungguh-sungguh mengikuti mata pelajaran akademik di sekolah kerana boleh menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) jika gagal dalam peperiksaan, perlu ditangkis.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata tumpuan kerajaan dalam pemerkasaan TVET tidak bermakna bidang akademik dan TVET harus dipisahkan dengan andai-an mereka yang cemerlang akademik dialirkan ke universiti manakala yang gagal boleh mengikuti TVET.

Katanya, keseimbangan perlu ditekankan berikutan ramai graduan khususnya tahap ijazah di universiti masih perlu mengikuti program TVET bagi membolehkan kemahiran disesuaikan dengan ijazah atau kelulusan akademik yang dimiliki bagi memenuhi tuntutan industri.

"TVET bukan sahaja beri peluang kepada orang yang gagal (akademik), kerana ramai graduan di universiti yang ada ijazah pun masih perlu mengikuti program TVET bagi membolehkan dia menggunakan sesuatu kemahiran TVET untuk disesuaikan dengan ijazah dia."

"Contohnya ada lepasan ijazah sarjana muda Kejuruteraan Jentera iaitu belajar teori, tetapi untuk membolehkan dia menjal-

di seorang mekanik yang baik, mungkin dia kena mengambil latihan vokasional selama enam bulan dan memperoleh sijil kemahiran dalam bidang itu.

"Jadi, tidak benar jika difahami seolah-olah dipisahkan bahawa yang cerdik masuk universiti manakala yang tak cerdik masuk TVET, kerana orang yang ada ijazah pun masih boleh masuk TVET sebab ia adalah kemahiran," katanya pada sidang media selepas siri jelajah akhir program Tanya Cikgu Saarani (TCS) tahun 2024 di Stadium Imuda Muli, di sini, kelmarin.

Saarani ditanya sama ada penumpuan kerajaan termasuk kerajaan negeri ke arah usaha memperkasa TVET akan membawa perspektif yang menyebabkan pelajar mengabaikan kepentingan belajar akademik kerana merasakan

penyertaan dalam TVET sudah memadai untuk membuka peluang kerjaya buat mereka.

Beliau berkata, TVET, sebaliknya harus dianggap sebagai peluang kedua sama ada bagi mereka yang tidak berpeluang masuk ke universiti mahupun graduan untuk tidak berputus asa dalam hidup mahupun dalam memperoleh pekerjaan.

"Yang saya sebutkan, saya tak mahu orang yang tak dapat masuk universiti berasakan peluang tertutup dan hidupnya sudah tidak bermakna.

"Kita terlampau berorientasikan peperiksaan, hendakkan 10 'A' namun yang tak dapat 10 'A' dia rasa hidup ini sudah tidak bermakna sedangkan kita hendak beritahu yang 10 'A' itu nanti jadi doktor manakala yang lain itu ada peluang ke tempat TVET yang kita sediakan," katanya.

Tidak benar jika difahami seolah-olah dipisahkan bahawa yang cerdik masuk universiti manakala yang tak cerdik masuk TVET, kerana orang yang ada ijazah pun masih boleh masuk TVET sebab ia adalah kemahiran

**Saarani Mohamad,
Menteri Besar Perak**



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TVET BOLEH DIINTEGRASI DALAM SEKTOR KRITIKAL

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 04

TARIKH : 11/12/2024



Shamsul Anuar (tengah) menyampaikan sijil kepada Jawatankuasa Penilai pada Majlis Peluncuran OF N80: Aktiviti Keselamatan dan Penyiasatan sempena Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-31, semalam yang turut dihadiri, Mohammad Ubaidillah.

Kerangka Pekerjaan N80

TVET boleh diintegrasikan dalam sektor kritikal

Pendidikan bangun kemahiran teknikal, bentuk tenaga kerja berdaya tahan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) boleh diintegrasikan ke dalam strategi pembangunan sektor kritikal seperti perkhidmatan keselamatan yang menjadi tulang belakang kepada kestabilan dan kemakmuran negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perkara itu dibuktikan dengan pembabitan TVET dalam Kerangka Pekerjaan atau *Occupational Framework (OF) N80: Aktiviti Keselamatan dan Penyiasatan*.

Katanya, ia juga membuktikan TVET tidak hanya membangunkan kemahiran teknikal, tetapi berperanan membentuk tenaga kerja berdaya tahan dan inovatif.

"Dengan 1,398 institusi TVET di seluruh negara termasuk 673 Institusi TVET Awam, 28 institusi TVET awam negeri dan 697 institusi TVET swasta, negara memiliki ekosistem TVET komprehensif," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarud ketika menyempurnakan Majlis Peluncuran OF N80:

Aktiviti Keselamatan dan Penyiasatan sempena Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) Ke-31 di Pusat Konvensyen Sime Darby (SDCC) di sini, semalam.

Hadir sama Presiden PIKM, Datuk Mohammad Ubaidillah Enam.

OF N80 itu dibangunkan bersama oleh PIKM dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi menggariskan hala tuju pembangunan industri.

408,000 pelajar TVET

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, data semasa menunjukkan 408,000 pelajar TVET, sekali gus mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap potensi serta penyesuaian perubahan teknologi.

"Dengan adanya OF N80 ini, program TVET dapat disesuaikan bagi memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang dan ia membuka peluang kepada orang muda menceburkan diri ke dalam sektor kritikal," katanya.

Beliau berkata, keperluan penyesuaian TVET itu selari dengan era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang mana dimensi teknologi dan digitalisasi berperanan penting meningkatkan keberkesanan sektor perkhidmatan keselamatan.

Justeru, OF N80 ini dapat dijadikan asas untuk membangunkan tenaga kerja mahir dalam teknologi keselamatan moden seperti sistem pengawasan pintar (*smart surveillance systems*), ke-

cerdasan buatan (AI) dan analitik data.

"Dengan ini, kita bukan sahaja memacu kecekapan, tetapi juga meningkatkan daya saing industri negara di peringkat global.

"Ini kerana penggunaan teknologi seperti Internet Kebentangan (IoT) dalam perkhidmatan keselamatan kini menjadi satu keperluan," katanya.

Beliau berkata, ia termasuk kamera pintar yang mampu mengenal pasti tingkah laku mencurigakan dan penggunaan aplikasi mudah alih yang memudahkan komunikasi serta tindak balas pantas.

"Dengan kemahiran yang diperoleh melalui OF N80 ini, tenaga kerja akan lebih bersedia menghadapi cabaran semasa," katanya.

Dalam pada itu, Shamsul Anuar berkata, syarikat perkhidmatan keselamatan perlu meningkatkan keupayaan mengadaptasi teknologi supaya dapat menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"Syarikat keselamatan kini bukan sahaja mesti bersedia mendepani cabaran semasa, tetapi perlu menerokai AI serta teknologi lain supaya mereka berkeupayaan memberikan perkhidmatan terbaik diperlukan masyarakat atau pihak industri.

"Anjakan itu wajar dilakukan kerana keperluan itu seiring usaha kerajaan memberi fokus kepada TVET dan pada masa sama kita mengharapkan syarikat keselamatan mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada lulusan bidang ini yang dilatih serta diberi latihan kemahiran begitu baik," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UNIVERSITI PERKASA MINDA, BINA INSAN SEIMBANG

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

TARIKH : 13/12/2024

Universiti perkasa minda, bina insan seimbang

BH 13/12 II

Oleh Prof Dr Mohd Kamarulzaki Mustafa
bhrencana@bh.com.my



Profesor Fakulti
Sains Gunaan dan
Teknologi, Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia (UTHM)

Apabila berbicara mengenai universiti, ramai menganggap ia sebagai laluan ke arah mendapatkan sekeping sijil akan membuka pintu kepada kerjaya. Hakikatnya, universiti bukan sekadar institusi menyediakan ilmu akademik semata-mata, bahkan tempat minda dibentuk, kemahiran dikembangkan dan paling penting tempat manusia 'dimanusiakan'.

Laporan terbaru menunjukkan satu trend membimbangkan di negara ini apabila semakin ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak berminat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Statistik Kementerian Pendidikan (KPM) pada 2023, kira-kira 300,000 lepasan SPM memilih tidak melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT), dengan alasan berbeza-beza seperti kos sara hidup, minat berkurangan terhadap pendidikan formal dan persepsi sijil akademik tidak lagi menjadi jaminan kejayaan dalam pasaran kerja semakin kompetitif, selain tarikan terhadap ekonomi gigi.

Namun, persepsi ini perlu difahami lebih mendalam. Universiti bukan sekadar tempat memperoleh sijil, sebaliknya ia ruang memperkasa diri, mendapatkan pengalaman dan membina insan seimbang boleh menyumbang kepada masyarakat.

Universiti di negara ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada pencapaian akademik, bahkan

merangka pelbagai aktiviti bertujuan memperkasa pelajar secara menyeluruh.

Aktiviti seperti program pembangunan kepemimpinan, khidmat masyarakat serta pembabitan dalam kelab dan persatuan, menjadi komponen penting dalam pengalaman di universiti. Ini semua dirancang dengan tujuan memupuk kemahiran insaniah dan mengajar pelajar menjadi anggota masyarakat lebih bertanggungjawab serta berdaya saing.

Pelajar memasuki universiti mungkin memulakan perjalannya dengan harapan untuk belajar



sesuatu berguna bagi kerjayanya kelak, namun akan keluar bukan sahaja dengan pengetahuan, bahkan dengan wawasan, nilai kemanusiaan dan kemahiran berfikir kritis.

Pelajar terbabit dalam pelbagai aktiviti kurikulum dapat mengasah kemahiran kepemimpinan, komunikasi dan kerjasama dalam pasukan.

Pengalaman bersosial di kampus, bekerjasama dalam projek kumpulan dan menghadapi cabaran tidak semestinya berkaitan akademik, membantu pelajar belajar erti tanggungjawab, empati serta kecekalan.

Mereka belajar bagaimana menghadapi tekanan, mencari jalan keluar dalam situasi mencabar dan menghargai kepelbagaiannya pandangan serta latar belakang rakan mereka.

Universiti dengan kata lain, adalah platform membentuk pelajar menjadi individu seimbang, bukan sahaja mahir dalam bidang akademik, bahkan bersedia menyumbang kepada masyarakat.

Ia adalah tempat pelajar belajar menjadi manusia lebih prihatin, berdaya tahan dan mempunyai keupayaan mengubah dunia di sekeliling. Fenomena penurunan minat untuk menyambung pengajian ini sepatutnya menjadi panggilan kejut kepada masyarakat dan pihak berwajib. Pendidikan tinggi masih relevan, bukan sahaja untuk kerjaya, bahkan untuk perkembangan sahsiah dan kematangan individu.

Universiti menyediakan platform terbaik untuk mempelajari kemahiran hidup, yang tidak selalu boleh diperoleh daripada pengalaman bekerja semata-mata.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: FOKUS IPTA BANGUNKAN BIDANG AI

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

TARIKH : 15/12/2024

Fokus IPTA bangunkan bidang AI

SH 15/12 13



PERSPEKTIF

NUUR ALIFAH ROSLAN

Kerjasama antara universiti dan industri adalah komponen penting dalam memastikan impak tinggi hasil penyelidikan, terutama dalam bidang teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI). AI kini menjadi salah satu pemicu utama inovasi global dan pengembangan keparakan akademik serta sokongan industri sangat penting bagi memaksimumkan potensi teknologi tersebut.

Kerajaan yang turut menyedari kepentingan ini telah memperuntukkan RM50 juta kepada universiti penyelidikan untuk tahun 2025. Jumlah ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM20 juta. Langkah ini bertujuan untuk memperkuatkan lagi pendidikan dan penyelidikan AI di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2025 menekankan kepentingan kerja-

ma antara universiti dan industri perlu diperkuatkan untuk memastikan hasil penyelidikan dapat memberi manfaat kepada masyarakat, bukan sahaja bersifat inovatif tetapi juga relevan pada masa kini. Ini kerana, sokongan kewangan sahaja tidak cukup dalam usaha menjayakan sinergi ini.

Universiti Penyelidikan Malaysia diberi mandat untuk memfokuskan AI dalam bidang strategik masing-masing yang bersetujuan dengan keperluan industri dan komuniti setempat.

Universiti Malaya (UM) dijadikan sebagai contoh terbaik kerana telah menumpukan AI dalam sektor perubatan, khususnya bagi menangani masalah penyakit barah. Sehubungan itu, kerjasama UM dengan syarikat farmaseutikal dan perubatan akan mempercepatkan pembangunan penyelesaian inovatif yang dapat meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) pula menubuhkan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia melalui kerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA). Ia memfokuskan penyelidikan AI dalam pengkomputeran kuantum bagi menghadapi ahcaman keselamatan siber yang semakin kompleks. Ini menunjukkan

kepentingnya kolaborasi antara universiti dan industri keselamatan siber dalam melindungi data kritikal negara.

Universiti Sains Malaysia (USM) pula menumpukan kepada teknologi semikonduktor, selari dengan kedudukan Malaysia sebagai hab semikonduktor dunia. Kerjasama USM dengan syarikat besar seperti Intel dan Infineon membuktikan AI dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan inovasi dalam cip pemprosesan, membolehkan Malaysia terus bersaing di peringkat global.

Selain itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi penyelidikan AI dalam bidang alih bahasa, khususnya dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Dengan perkembangan AI, proses alih bahasa dapat dipercepatkan, membolehkan pengetahuan dalam pelbagai bidang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dengan lebih mudah. Sinergi ini sekali gus memperkuatkan kedudukan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi.

Bagi memastikan kejayaan sinergi ini berjalan lancar, beberapa langkah proaktif perlu diambil, antaranya meningkatkan kolaborasi penyelidikan antara universiti dan industri harus lebih fokus

kepada cabaran kritis dalam bidang masing-masing.

Selain itu, program latihan industri dan penempatan pelajar dalam syarikat-syarikat teknologi tinggi perlu diperluaskan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama, seperti dilaksanakan UPM dengan NACSA, dalam mempercepatkan inovasi dan memastikan penyelidikan relevan dengan keperluan industri.

Di samping itu, insentif kewangan dan geran penyelidikan perlu dipertingkatkan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi syarikat teknologi dalam menyertai projek bersama universiti.

Setiap projek penyelidikan juga harus diberikan penilaian berdasarkan impaknya kepada masyarakat, bukan sahaja melihat pada keuntungan kewangan.

Dengan adanya sinergi yang semakin kukuh antara universiti dan industri, mendakar Malaysia berada pada landasan betul untuk menjadi peneraju global dalam teknologi AI, yang memacu kepada inovasi serta manfaat kepada masyarakat dan ekonomi negara.

*Dr Niur Alifah Roslan ialah Pensyarak Kanan, Jabatan Multimedia Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN OKU BUKTI PENDIDIKAN MILIK SEMUA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 32

TARIKH : 16/12/2024



KELEBIHAN dan kelemahan berbeza yang dimiliki oleh setiap individu bukan penghalang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Graduan OKU bukti pendidikan milik semua

SEORANG graduan Orang Kurang Upaya (OKU) membuktikan bahawa pendidikan adalah milik semua tanpa mengira kekurangan apabila berjaya menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Majlis Konvokesyen kali ke-26 baru-baru ini.

Man Chun Tang, 23, merupakan anak tunggal yang mengalami Gangguan Kecelaruan Tumpuan dan Kelasakan (ADHD) membuktikan bahawa semangat tinggi dan keazaman kental mampu menepis segala cabaran.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sejarah) itu berkata kelebihan dan kelemahan berbeza yang dimiliki oleh setiap individu bukan penghalang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurutnya, UMS memberikan sokongan khas kepada pelajar-pelajar OKU, termasuk kemudahan yang mesra OKU, khidmat nasihat daripada Pusat Pengurusan OKU (PPOKU).

Kolej kediaman dan van pengangkutan disediakan bagi memudahkan pergerakan. Selain itu sebagai pelajar OKU, ada kemudahan seperti kubikal di perpustakaan bagi memudahkan membuat tugas.

Manakala di fakulti pula pelajar OKU disediakan kemudahan seperti lif, parkir OKU, laluan ramp dan handrail serta banyak lagi bagi keselesaan pelajar-pelajar OKU.

Man akan melakukan kerja separuh masa untuk menambah pengalaman dalam dunia pekerjaan.

"Mungkin saya akan bekerja separuh masa seperti menjalankan *review* mengenai kereta-kereta import, terpakai mahupun kereta baharu. Selain tu saya juga mahu cuba *virtual assistant services* seperti *pod poster*, *banner* ataupun menu-menu restoran," katanya.

Beliau juga berhasrat untuk menjadi seorang guru dan ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana di Semenanjung Malaysia.

NORSAHIRAH MOHD ALLAWI

Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SELALU ADA JALAN BAGI ORANG KEKAL BERUSAHA

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 16/12/2024

Harian Metro | Isnin 16.12.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15 addin

PERJUANGAN TUNTUT ILMU TAGIH KESABARAN

Selalu ada jalan bagi orang kekal berusaha



Bersama
Muhammad Fahmi
Md Ramzan

"A nta (kamu) akan habis, tapi anta kena sabar." Itulah ungkapan Almarhum Dr Bharuddin Che Pa, penyelia kedua PhD penulis yang sentiasa tergiang-ngiang dan menjadi penguat semangat untuk penulis meneruskan dan menghabiskan pengajian di peringkat doktor falsafah.

Kata-kata itu membuatkan penulis menitiskan air mata di hadapan panel sewaktu selesai sidang viva-vocetesis, tanda syukur dan puas kerana kesabaran menelusuri onak duri pengajian peringkat PhD sepanjang 10 tahun berakhir dengan kemanisan, persis seperti mana ungkapan di atas.

Benar, perjalanan dalam mengharungi samudera, membela ombak, menerjang badai dalam menuntaskan pengajian tahap tertinggi ini perlu disertai kesabaran. Apatah lagi, penulis menyambung pengajian secara *fast-track* (tanpa melalui peringkat Master) dengan bidang baharu, sudah tentu memerlukan kesabaran yang tinggi untuk melalui proses demi proses.

Bukan sahaja sabar dalam menyempurnakan penulisan tesis dan menghadapi lima peringkat pembentangan, tetapi sabar dalam mengharungi proses menata satu persatu arah kehidupan.

Tidak dinafikan, musuh utama yang sering menjadi penghambat untuk terus fokus terhadap perjalanan menuntut ilmu ini ialah merasa lelah.

Sebenarnya, wajar saja seseorang penuntut ilmu itu merasa lelah. Mengambil ibrah kisah Nabi Musa 'ala'ihissalam yang mencari Nabi Khidir 'ala'ihissalam untuk menuntut ilmu. Al-Quran menggambarkan keluhan rasa lelah Nabi Musa, "Sesungguhnya kita telah mengalami penat lelah dalam perjalanan ini." (*Surah al-Kahfi ayat 62*)

Di dalam ayat itu, Allah Ta'alā ingin menunjukkan dalam mencari apa pun, terutama yang berharga, pasti alami kelelahan. Ditambah pula ujian dialami Nabi Musa tatkala berguru dengan Nabi Khidir, semua itu mengajar erti kesabaran menghadapi persoalan dan cabaran hidup, khususnya dalam menuntut ilmu.

Selain kesabaran, pengajian di



KONVOKESYEN bukan pengakhiran dalam perjalanan menuntut ilmu.

peringkat PhD suatu perjuangan yang menuntut keazaman tinggi dan tidak mudah berputus asa. Tidak hairanlah bukan sedikit terkandas di tengah jalan kerana beratnya bebanan dan cabaran yang membuatkan seseorang merasa tertekan lantas berputus asa.

Menandakan bahawa pengajian di peringkat PhD memang benar-benar mencabar. Itulah sebab ada sebahagian individu menggelarkan PhD sebagai singkatan dari *permanent head damage*.

Kerana mencabarnya, orang yang meneruskan pengajian di peringkat ini tidak hanya memerlukan kecerdasan sahaja, tetapi ada komponen lain sebagai penunjang iaitu ketahanan mental kuat, semangat juang tinggi dan usaha berterusan.

Ibarat lari maraton, siapa yang tahan dengan cabaran dan terus berusaha, maka dia yang akan mencapai garisan penamat. Ibarat mendaki gunung, indahnya pemandangan hanya akan dapat dilihat tatkala melalui pendakian yang penuh liku. Sepertimana pepatah Inggeris, *the best view comes after the hardest climb*.

Teringat penulis titipan kata semangat penyelia pertama, Prof Madya Dr Mohamad Zaidi Abdul Rahman, "Selalu ada jalan bagi orang yang berusaha dan tidak berputus asa."

Inilah kata-kata semangat

yang menjadi azimat buat penulis terus berjuang sehingga ke puncak kejayaan. Bak kata pepatah masyhur Arab, "Man jadda wajada" yang bermaksud siapa yang berusaha bersungguh-sungguh, maka dia akan dapat (kejayaan). Namun pepatah Arab ini perlu disandingkan dengan pepatah Arab lainnya, "Man sajada wajada" yang bermaksud siapa yang bersujud (memperbaiki solat), maka dia akan dapat (kejayaan).

Saat paling dekat di antara seorang hamba dengan Tuhanya ialah ketika dia bersujud. Oleh itu, penulis jadikan setiap sujud terakhir di dalam solat sebagai detik memohon kepada Allah agar diper mudahkan segala urusan dan tercapai apa dihajatkan.

Ditambah pula dengan bidikan panah-panah doa dan sokongan insan tercinta membuatkan perjalanan dalam menuntut ilmu ini sangat bererti. Betapa pentingnya *support system* bagi memastikan semangat terus membara membawa obor harapan ke mercu kejayaan.

Ya, mungkin tempoh menghabiskan pengajian memakan waktu yang agak lama. Namun pengajian di peringkat PhD itu sendiri perjuangan. Adalah suatu kesalahan besar apabila dibandingkan perjalanan setiap orang yang berjuang dengan

"Ibarat lari maraton, siapa yang tahan dengan cabaran dan terus berusaha, maka dia yang akan mencapai garisan penamat. Ibarat mendaki gunung, indahnya pemandangan hanya akan dapat dilihat tatkala melalui pendakian yang penuh liku"

jalan ceritanya masing-masing. Kerana ini bukan cerita tentang siapa yang sampai ke garisan penamat terlebih dahulu, melainkan dia yang mahu berjuang sehingga akhir. Dan sudah tentu, semuanya terjadi dengan izin daripada Allah Ta'alā, Alhamdulillah.

Namun pengajian di peringkat PhD ini bukan penamat, begitu juga konvokesyen bukan pengakhiran untuk terus menuntut ilmu. Kerana pada hakikatnya ilmu itu perlu terus dicari dan digali seperti mana kalam ulama, "Carilah (tuntutlah) ilmu daripada buaian hingga ke liang lahad." Mutiara kata indah ini bukan hadis Nabi SAW, tetapi kita dapat mengambil hikmah supaya mengambil berat dalam menuntut ilmu sejak kecil dan selagi nyawa dikandung badan ber sesuaian dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Ahmir kalam, penulis ingin merakam jutaan penghargaan terutama kepada penyelia pertama, tidak dilupakan kepada Almarhum penyelia kedua (semoga Allah Ta'alā mencucuri rahmat ke atas rohnya), pihak Universiti Malaya dan Akademi Pengajian Islam. Seterusnya kepada mak abah, isteri dan anak-anak, ibu ayah mertua, nenek, adik beradik, saudara mara, pensyarah dan guru, rakan, pelajar serta emua pihak yang mendoakan serta memberi sokongan. Semoga Allah Ta'alā membalaunya dengan kebaikan yang berganda.

Penulis lulusan Ijazah Kedoktoran di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)

TAJUK: KPT BERJAYA CAPAI 5 FOKUS UTAMA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 08

TARIKH : 17/12/2024

8

Nasional

Selasa, 17 Disember 2024 BH

KPT berjaya capai 5 fokus utama

Kementerian sasar agenda pendidikan terbaik 10 tahun lagi penuhi keperluan semasa

Oleh Samadı Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berjaya mencapai lima fokus utama ditetapkan bagi tahun ini, kata Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Lima fokus itu adalah membatikan penyediaan bakat terbaik negara, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan per-

kongsian ilmu, pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan pemantapan ekosistem pemboleh daya.

Zambry berkata, KPT sentiasa melakukan penambahbaikan secara berterusan dan kritikan kendiri dengan melihat pelbagai aspek lain yang perlu diperkenalkan.

"Dunia pendidikan bergerak pantas dan sangat dinamik sekali gus perlu diberi perhatian utama," katanya pada sidang akhbar pembentangan kad laporan pencapaian KPT 2024 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Mustapha Sakhmad.

Katanya, KPT juga sedang merangka Pelan Pendidikan Tinggi 2025-2035 bagi menyediakan kerangka baharu mengenai hala tuju pelajar universiti yang akan menamatkan pengajian di universiti dan politeknik.

Katanya, pelan itu dirangka be-



KPT juga sedang merangka Pelan Pendidikan Tinggi 2025-2035 bagi menyediakan kerangka baharu mengenai hala tuju pelajar universiti yang akan menamatkan pengajian di universiti dan politeknik

Zambry Abd Kadir,
Menteri Pendidikan Tinggi

rikutan pelan sedia ada akan berakhir hujung tahun depan.

Justeru, satu jawatankuasa khas terdiri daripada pelbagai pakar tempatan akan memperincikan pelan itu dalam usaha menentukan hala tuju pendidikan tinggi dalam tempoh 10 tahun akan datang mengikut keperluan semasa.

"KPT perlu menyediakan sistem pendidikan terbaik untuk 10 tahun akan datang untuk generasi masa depan," katanya.

Katanya, pelan yang sedang dirangka ini adalah agenda terbesar KPT kerana membatikan dasar masa depan pendidikan tinggi negara.

Tak ambil pakar luar

Zambry berkata, KPT tidak lagi mengambil pakar luar negara untuk merangka sistem pendidikan negara, sebaliknya menggunakan tenaga pakar dalam negara yang sama hebat dengan pakar daripada luar negara.

"Ini adalah perubahan besar dalam sistem pendidikan tinggi negara kerana kita lebih tahu apa keperluan negara di samping boleh mendengar apa yang dilaksanakan di luar negara," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zambry memaklumkan KPT bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelidikan universiti ASEAN, bersempena negara ini menjadi tuan rumah persidangan ASEAN, tahun depan.

"Sempena persidangan berkenaan, kita akan cadangkan dan berharap idea diketengahkan itu nanti akan diterima oleh negara anggota ASEAN," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: INNOVET 2004 HASILKAN 35 INOVASI PELAJAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 25

TARIKH : 18/12/2024

INNOVET 2004 hasilkan 35 inovasi pelajar

SEBANYAK 35 produk inovasi pelajar yang berpotensi dipatenkan sebagai hak dagangan menyertai Pertandingan Inovasi TVET (INNOVET 2024) anjuran Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial (UPIK) Kolej Komuniti Jerantut (KKJP) baru-baru ini.

Pengarah KKJP, Azad Muslim Muhammad berkata, pertandingan yang bertemakan Inovasi Lestari Teras TVET Madani memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan projek inovatif.

Di samping itu ujarnya, dapat menerapkan pengetahuan dan keterampilan mereka, serta mempromosikan pemikiran kreatif dan penyelesaian baharu khusus bagi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Pelbagai produk inovasi hasil idea dan daya kreativiti peserta yang dipertandingkan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Teknologi Makanan & Teknologi Hijau dan Akuakultur. Ini meliputi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)..

"Peserta terdiri daripada pelajar KKJP dan pelajar

jemputan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jerantut, SMK Padang Piol, dan SMK Jengka Pusat 2," katanya ketika berucap dalam majlis penutup pertandingan tersebut di Kolej Komuniti Jerantut baru-baru ini.

Sementara itu, hasil inovasi tiga pelajar kolej komuniti berkenaan yang menghasilkan sapuan coklat berasaskan biji cempedak berjaya menjadi johan dan akan dipatenkan supaya dapat dikomersialkan.

Tiga pelajar terbabit iaitu Sivaneswary Ananthan; Muhammad Hazim Ahmad Jais dan Shahrul Redzuan Shamsuri, masing-masing berusia 18 tahun tampil dengan produk yang diberikan nama 'cempetella'.

Menurut Sivaneswary, idea timbul selepas melihat biji cempedak dibuang begitu sahaja kerana hanya isinya dimanfaatkan sama ada dimakan mentah atau digoreng walaupun harganya agak mahal.

Katanya, dia bersama dua rakan memikirkan bagaimana untuk memanfaatkan biji cempedak itu menjadi produk berguna dan mendapat persetujuan daripada pensyarah pembimbing, Noraihan

Ahmad @ Mohamad. "Akhirnya kami mendapat idea untuk menjadikan biji cempedak itu sebagai bahan utama sebagai produk sapuan yang dicampur coklat untuk roti atau biskut," katanya.

Rakannya, Muhammad Hazim berkata, biji cempedak dipotong kecil dan kemudian dijemur hingga kering sebelum dikisar agar menjadi tepung dan bahan tepung biji cempedak itu dicampur dengan coklat cair agar menjadi sapuan coklat yang likat.

Tambahnya, selain kos yang rendah, kelebihan produk itu menghasilkan tekstur yang pekat selain tepung biji cempedak turut memberikan rasa unik kepada sapuan coklat tersebut.

"Produk ini juga mempunyai nilai dari segi kesihatan kerana memiliki kandungan karbohidrat dan serat yang tinggi dan sesuai untuk semua golongan," jelas beliau.

Tambahnya, kos untuk menghasilkan produk itu juga lebih murah jika dibandingkan dengan sapuan coklat yang ada di pasaran yang diimport menggunakan coklat dan campuran hazelnut.



NORAIHAN Ahmad @ Mohamad (kiri), Shahrul Redzuan Shamsuri, Mohamad Hazim Ahmad Jais dan Sivaneswary Ananthan (kanan) menunjukkan produk inovasi yang dimenangi dalam INNOVET 2024 di Kolej Komuniti Jerantut baru-baru ini.


KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SALING MENUDUH ANTARA PUNCA PELAJAR DIPUKUL

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

TARIKH : 20/12/2024



Saling menuduh antara punca pelajar dipukul

Kuala Terengganu: Tuduh-menuduh dipercayai antara punca seorang penuntut universiti awam (UA) dipukul secara bergilir-gilir menggunakan objek tumpul di sebuah kolej kediaman, Ahad lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin, berkata mangsa berusia 20 tahun itu juga dipercayai dipukul menggunakan kayu.

Beliau berkata, setakat ini, mangsa dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan dirawat di wad biasa.

"Hasil pemeriksaan doktor mengesahkan tiada sebarang kecederaan organ dalaman atau patah tulang dikesan, ia hanya lebam. Mangsa dirawat di wad biasa dan pemantauan ke atas dia (mangsa) masih diteruskan dan keadaan mangsa stabil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu di sini semalam.

Ketika ditanya sekiranya ada tangkapan lain, Mohd Khairi berkata, setakat ini, hanya 12 penuntut ditahan dan mereka kini direman empat hari sehingga Sabtu.

12 penuntut IPTA direman kes pukul di kolej kediaman



Keratan akhbar BH, semalam.

Mohd Khairi menasihatkan pelajar berada di pusat pengajian tinggi atau sekolah untuk tidak melakukan kekerasan jenayah kepada pelajar lain.

"Jika didapati bersalah, mereka akan dihadapkan ke mahkamah dan pihak universiti akan ambil tindakan juga," katanya.

Media semalam melaporkan polis menahan 12 penuntut sebuah UA di negeri ini yang dipercayai terbabit dalam kejadian pukul secara bergilir-gilir menggunakan objek tumpul di sebuah kolej kediaman, Ahad lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Superintendant Wan Mohd Zaki Wan Ismail dilaporkan berkata, semua suspek lelaki berusia antara 20 hingga 22 tahun ditahan di universiti berkenaan jam 6 petang kelmarin.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TIGA PELAJAR IPT DI SERI ISKANDAR DITAHAN

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 21/12/2024

21/12

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar Harian
sharharian.com.my

Tiga pelajar IPT di Seri Iskandar ditahan

Bantu siasatan kes buli dan mencederakan rakan sekuliah

Oleh NORMAWATI ADNAN
PARIT

Tiga pelajar lelaki sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di Seri Iskandar di sini ditahan bagi membantu siasatan kes buli dan mencederakan seorang pelajar universiti itu, Ahad lalu.

Mahkamah & Jenayah

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendent Hafezul Helmi Hamzah berkata, pernahanan ke atas tiga pelajar berusia lingkungan 18 hingga 20 tahun itu dibuat selepas pihaknya menerima laporan daripada bapa mangsa pada Selasa lalu.

Menurutnya, dalam laporan itu, bapa mangsa mendakwa anaknya berusia 18 tahun telah dipukul beramai-ramai oleh rakan kuliah di asrama IPT terbabit.

"Mangsa mengalami kecederaan pada bahagian telinga, luka dan bengkak kening kanan, lebam di tangan

dan kaki kiri serta kesan merah di perut dan tengkuk.

"Polis dimaklumkan mangsa telah menerima rawatan sebagai pesakit luar dan berada dalam keadaan stabil," katanya dalam kenyataan di sini, pada Jumaat.

Beliau memberitahu, siasatan awal dijalankan mendapati, kejadian berlaku berpunca daripada selisih isah faham dan provokasi antara mereka di bilik asrama.

"Ketiga-tiga pelajar terlibat telah reman selama tiga hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh," jelasnya.



HAFEZUL HELMI

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PROVOKASI DISYAKI PUNCA PELAJAR LELAKI DIPUKUL BERAMAI-RAMAI

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

TARIKH : 21/12/2024

BH Sabtu, 21 Disember 2024

Nasional

17

Provokasi disyaki punca pelajar lelaki dipukul beramai-ramai

Mangsa alami kecederaan di badan akibat dibelasah dalam bilik asrama

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Selepas kes buli dilaporkan berlaku di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kuala Terengganu, Ahad lalu, kejadian sama disyaki turut berlaku di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Seri Iskandar, pada 15 Disember lalu.

Perselisihan faham dan provokasi juga dipercayai punca seorang pelajar lelaki dipukul beramai-ramai di dalam bilik asrama IPTA berkenaan.

Siasatan awal kejadian dimulakan selepas polis menahan tiga pelajar lelaki di IPTA berkenaan.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendant Hafezul Helmi Hamzah, berkata semua suspek berusia 18 hingga 20 tahun itu ditahan selepas pihaknya menerima laporan daripada bapa mangsa pada Selasa lalu.

"Bapa mangsa membuat laporan polis mengenai anaknya yang berusia 18 tahun dipukul beramai-ramai oleh teman sekuliah di asrama IPTA berkenaan dalam satu kejadian pada 15 Disember.

"Mangsa mengalami kecederaan pada bahagian telinga, luka dan Bengkak pada atas kening sebelah kanan, lebam di tangan dan kaki kiri, kesan merah perut dan tengkuk."

ning sebelah kanan, lebam di tangan dan kaki kiri, kesan merah perut dan tengkuk.

"Mangsa berada dalam keadaan stabil setelah menerima rawatan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Suspek direman tiga hari

Hafezul Helmi berkata, semua

suspek direman tiga hari bermula Rabu lalu dan dibebaskan dengan jaminan polis, manakala kes disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan.

Ahad lalu, saling tuduh menuduh dipercayai antara punca seorang pelajar UMT dipukul secara bergilir-gilir oleh 12 pelajar.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd Khairi Khairudin bagaimanapun dilaporkan tidak menjelaskan isu yang mencetuskan insiden di kolej kediaman mangsa yang berusia 20 tahun itu.

Katanya, hasil pemeriksaan perubatan mendapati tiada sebarang kecederaan organ dalaman atau patah tulang pada mangsa selain lebam.

"Mangsa dirawat di wad biasa. Pemantauan ke atas beliau masih diteruskan dan keadaannya stabil," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen Terengganu, kelmarin.

Media sebelum itu melaporkan 12 pelajar institut pengajian tinggi awam (PTA) di sini, ditanah selepas disyaki memukul seorang pelajar lain secara bergilir-gilir di kolej kediaman mangsa pada Ahad lalu.



Hafezul Helmi Hamzah,
Ketua Polis Daerah Perak Tengah

Mangsa mengalami kecederaan pada bahagian telinga, luka dan Bengkak pada atas kening sebelah kanan, lebam di tangan dan kaki kiri, kesan merah perut dan tengkuk.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN TERBAIK OKU PENGLIHATAN

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

TARIKH : 23/12/2024



MOHAMMAD Faiz menerima sijil daripada Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwp), Syed Kamarulzaman (kanan) pada Majlis Graduasi dan Apresiasi Latihan dan Kerjaya Maiwp kali ke-3. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

Graduan terbaik OKU penglihatan

Pengamal refleksologi miliki 3 cawangan di seluruh Malaysia

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Diiktiraf graduan terbaik dalam kategori orang kurang upaya (OKU) penglihatan bukan sahaja menjadi kebanggaan, tetapi pemangkin semangat buat insan istimewa Mohammad Faiz Asangku Abdullah.

Mohammad Faiz, 50, berkata, kejayaan itu mencetuskan keinginannya terus melakar kejayaan dalam kerjaya sebagai pengamal refleksologi dan terapi, selain mendidik lebih ramai OKU penglihatan dalam bidang itu.

Dilahirkan dengan masalah penglihatan sejak kecil, Mohammad Faiz berasal dari Kudat, Sabah tidak pernah menganggap kekurangan dirinya sebagai halangan.

Berbekalkan semangat, saya menyertai pelbagai kursus refleksologi dan terapi termasuk di

China, selain mendalami perubatan tradisional Melayu di kolej tempatan.

"Bidang ini sebenarnya sangat fleksibel dan sesuai untuk mereka yang mahu mengimbangi antara tuntutan kerja dan melunaskan tanggungjawab terhadap keluarga.

"Sehingga kini saya mempunyai tiga cawangan perusahaan Reflex Jariku Services iaitu ibu pejabat Kuala Lumpur dan masing-masing satu cawangan di Ipoh serta Kota Kinabalu dengan lebih 20 pekerja," katanya.

Mohammad Faiz berakta demikian ketika ditemui selepas Majlis Graduasi dan Apresiasi Latihan dan Kerjaya Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwp) kali ke-3 di sini, semalam.

Beliau menerima Anugerah Graduan Terbaik Kategori Program Refleksologi dan Urut Terapi Pertubuhan Amal Pembangunan Usahawan OKU Penglihatan (Perkum) ditaja sepenuhnya Maiwp.

Mohammad Faiz tidak pernah melupakan tanggungjawab sebagai pembayar zakat mengakui kejayaan beliau banyak disokong oleh Maiwp.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Maiwp atas peluang diberikan. Inisiatif mereka membantu golongan OKU seperti saya keluar dari belenggu kesusahan,

menjana pendapatan sendiri, malah dapat mencipta pula peluang pekerjaan untuk orang lain.

"Apapun, yang penting carilah dan tambahlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia bekalan dalam usaha mendaki kejayaan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Maiwp Syed Kamarulzaman Syed Kabeer dalam ucapan perasmian berkata, beliau berbangga kejayaan graduan yang kini bukan sahaja bekerja dengan orang, tetapi ada juga menjadi majikan.

"Program Maiwp ini membuktikan asnaf yang diberi peluang dan bimbingan mampu melangkah jauh. Saya difahamkan graduan sesi sebelum ini juga ada yang berjaya menjadi majikan dan menggajikan pekerja.

"Ini adalah bukti nyata bahawa usaha memberikan latihan dan kerjaya mengubah nasib mereka, daripada penerima bantuan zakat kepada pencipta peluang pekerjaan," katanya.

"Sehingga kini saya mempunyai tiga cawangan perusahaan Reflex Jariku Services iaitu ibu pejabat Kuala Lumpur dan masing-masing satu cawangan di Ipoh serta Kota Kinabalu dengan lebih 20 pekerja"

Graduan terbaik, Mohammad Faiz Asangku Abdullah


KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BILA KALI TERAKHIR ANDA KE PERPUSTAKAAN?

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

TARIKH : 23/12/2024



PERPUSTAKAAN dahulunya hanya berkaitan buku dan akhbar semata-mata telah diubah fungsinya.

UM MS 31 23/12

Bila kali terakhir anda ke perpustakaan?

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan terima kasih di atas pihak pembaca yang sangat berminat berkenaan pengurusan perpustakaan sejak akhir-akhir ini. Apabila membincangkan berkenaan perpustakaan, berbondong-bondonglah kritikan diberikan kepada kewujudan perpustakaan terutamanya di media sosial.

Ada yang mengatakan bahawa apa relevansinya kewujudan perpustakaan terutamanya pada era kecerdasan buatan yang sangat mencabar ini. Ironinya, kritikan yang hadir ini adalah dari kalangan yang langsung tidak pernah hadir ke perpustakaan. Apabila ditanya, bila kali terakhir ke perpustakaan? Jawapan yang diberikan langsung tidak mencerminkan kritikan yang diberikan sebelum ini.

Yang peliknya, ada yang mencadangkan bahawa perpustakaan perlu satu anjakan yang lebih hebat dan melontar cadangan dari jauh tanpa memahami realiti yang telah dan sedang berlaku di peringkat perpustakaan. Ada juga yang hanya membaca tajuk akhbar berkaitan perpustakaan, tempel keratan di media sosial dan membuka ruangan komen hanya semata-mata untuk mencipta persepsi dalam masyarakat. Inilah senario yang berlaku oleh masyarakat kita pada hari ini.

Kita tidak menafikan bahawa peranan perpustakaan semakin mencabar pada masa kini. Namun semua cabaran ini telah berjaya diserap oleh kakitangan perpustakaan itu sendiri.

Profesional yang dikenali sebagai pustakawan dan separa profesional yang dikenali sebagai penolong pustakawan telah bersedia untuk menerima pelbagai

pembaharuan yang berlaku terutamanya dalam revolusi digital ini. Peranan profesion ini telah dicambah dengan pelbagai fungsi demi untuk kekal relevan dalam masyarakat.

Terdapat pustakawan telah menjadi pakar terutamanya dalam bidang kecerdasan pembuatan dan berkebolehan untuk menyebarkan ilmu ini kepada masyarakat awam mahupun warga universiti.

Perpustakaan dahulunya hanya berkaitan buku dan akhbar semata-mata telah diubah fungsinya. Kini telah berkembang menjadi pusat kegiatan komuniti atau hab utama masyarakat setempat bagi perpustakaan negeri, cawangan mahupun desa.

Bagi perpustakaan akademik pula telah bergerak jauh ke hadapan dan menjadi pakar bagi pusat kajian bagi masyarakat OKU, kajian berkaitan robotik, pusat penyebaran teknologi tinggi seperti *Augmented Reality* (AR), ruang Makerspace, kelas literasi digital dan internet berkelajuan tinggi.

Selain itu, terdapat perpustakaan akademik sedang mempraktikkan ke arah teknologi *blockchain*, *internet of things* (IoT) dan *big data*. Dengan semua senarai di atas jelas menunjukkan bahawa perpustakaan akan terus relevan dan mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna. Sesungguhnya revolusi perpustakaan telah lama berkembang di Malaysia dan berkelas dunia.

MUHAMMAD LUKMAN HARUN

Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
Kuala Ketil, Kedah

TAJUK: TVET PEMANGKIN TRANSFORMASI SOSIOEKONOMI KAUM INDIA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 16

TARIKH : 23/12/2024

16

Utusan Malaysia
ISNIN • 23 DISEMBER 2024

Rencana

TVET pemangkin transformasi sosioekonomi kaum India

UCAPAN Tan Sri SA.Vigneswaran, Presiden MIC dalam majlis sambutan hari jadinya yang ke 59 baru-baru ini menguatkan semangat perjuangan pemimpin-pemimpin yang hadir dari akar umbi seluruh negara. Majlis sambutan hari jadi tersebut berlangsung di Dewan Netaji, Kuala Lumpur.

Hampir 1,000 orang yang terdiri daripada ketua bahagian serta ketua cawangan MIC dan NGO hadir ke majlis sambutan tersebut untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada Vigneswaran. Sebilangan besar penyertaan dalam majlis hari jadi tersebut jelas menunjukkan kepimpinan SA.Vigneswaran semakin diterima malah disokong secara sepudu oleh ahli-ahli MIC dan pemimpin-pemimpin NGO yang mewakili kaum India.

Menyingkap kata-kata Tun Dr. Ismail, bekas timbalan perdana menteri, pernah menganggap MIC hidup segera mati tidak muhu susulan pilihan raya umum (PRU) pada tahun 1969. Kedudukan yang sama berulang timbul susulan PRU14 pada tahun 2018 ketika Vigneswaran ambil alih kepimpinan parti MIC.

Kepimpinan Barisan Nasional (BN) melihat MIC sebagai parti yang kotonnya sudah hilang taring dalam medan politik



M. PERIASAMY

negara kerana calon-calon MIC semakin tersungkur dalam pilihan raya sejak PRU12.

Namun, sejak Vigneswaran ambil alih kepimpinan MIC, secara umumnya sokongan kaum India dikesan kembali menyokong MIC. Meskipun hampir semua calon MIC yang bertanding bagi merebut sembilan kerusi Parlimen dalam PRU15, kecuali calon yang bertanding bagi kawasan Parlimen Tapah, kalah kepada calon daripada Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN), MIC didakwa hilang sokongan kaum India.

Calon-calon MIC gagal memenangi kerusi yang bertanding kerana faktor majoriti pengundi di kawasan mereka bertanding terdiri daripada pengundi Melayu. Nasib MIC turut dialami oleh parti-parti komponen BN yang lain termasuk UMNO.

Pada PRU13, BN dikesan menerima 62 peratus sokongan pengundi Melayu. Sokongan pengundi Melayu kepada BN merosot pada PRU14 kepada 43 peratus dan kepada 33 peratus pada PRU15. Sebaliknya, PN memperoleh sokongan 54 peratus pengundi Melayu. Peralihan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu telah menyebabkan BN tumbang dan hilang kuasa

pentadbiran negara ini. Malah, akhir-akhir ini prestasi BN bukan sahaja merosot dalam pilihan raya malah sebahagian besar pengundi Melayu mengalih sokongan mereka kepada parti bukan BN termasuk DAP. Kawasan-kawasan majoriti Melayu di luar bandar juga ditembusi oleh parti-parti bukan UMNO atau BN dengan jayanya.

Meskipun wakil MIC tidak diberi peluang menyertai kerajaan perpaduan atau pun Kerajaan Madani selaku parti komponen utama BN yang sama-sama menubuhkan BN dengan UMNO, kepimpinan Vigneswaran tidak putus asa atau lemah semangat untuk meneruskan agenda pembangunan sosioekonomi kaum India. Beliau berpendapat pendidikan dan kemahiran profesional dapat membantu warga India bukan sahaja terkeluar daripada putaran kemiskinan malah dapat mengikis imej kaum India sebagai kaum 'buruh' yang diwarisi sejak zaman penjajahan.

Dalam usaha mencapai hasrat transformasi sosioekonomi tersebut, Vigneswaran, meskipun tidak menyertai kerajaan Madani, didapati meneruskan impiannya dengan menumpukan perhatiannya kepada penyediaan peluang pendidikan tinggi dalam bidang profesional kepada anak-anak orang India melalui Maju Institute Of Educational Development (MIED) yang diasaskan oleh Tun S. Samy Vellu, Presiden MIC ketujuh,

pada tahun 1984 sebagai sebuah organisasi swasta pendidikan yang bukan bermatlamatkan keuntungan.

MIED kini mentadbir Universiti AIMST, sebuah universiti perubatan dan Kolej Tafe, sebuah kolej teknik yang kelulusannya diiktiraf oleh kerajaan. Sejak Vigneswaran mengambil alih kepimpinan MIC dan MIED, berjuta-juta ringgit telah disediakan sebagai pinjaman dan biasiswa untuk pelajar-pelajar India, terutamanya daripada golongan B40, untuk melanjutkan pendidikan tinggi dalam negeri dan luar negeri.

Menurut laporannya, MIED telah menyalurkan lebih RM17 juta pada tahun 2023 untuk 550 pelajar dan lebih RM19 juta bagi kepentingan 652 pelajar pada tahun 2024. Bantuan ini adalah untuk pelajar mengikuti kursus profesional seperti perubatan, farmasi, perubatan pergigian, teknologi maklumat, kejuruteraan, perakaunan, perniagaan dan lain-lain.

Sementara itu, Vigneswaran mengumumkan dalam majlis sambutan hari jadi beliau baru-baru ini bahawa MIC melalui MIED akan membuka sebuah kolej baharu di Kuala Lumpur bagi memfokuskan kepada pendidikan teknikal iaitu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mulai tahun 2025.

Langkah menyediakan anak-anak orang India dalam bidang teknikal adalah sebagai satu usaha

menghadapi cabaran dan gelombang revolusi 4.0 yang kian melanda dunia termasuk Malaysia. Malaysia yang menyedari kepentingan TVET telah mempertanggungjawabkan kepada tujuh kementerian untuk melaksanakan pelbagai program latihan TVET dengan peruntukan RM6.7 bilion pada tahun 2024 dan RM7.5 bilion pada 2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Madani untuk menyelia pelaksanaan dalam merjayakan program TVET di Malaysia. Pelbagai program latihan TVET dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk program GiatMara dengan peruntukan RM50 juta dan program Anak Angkat ILKA dengan geran padanan RM50 juta yang dikendalikan oleh Proton di Melaka.

Persoalannya, apakah anak-anak kaum India dapat menikmati kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan oleh peruntukan kerajaan seperti tersebut? Apakah kerajaan Madani akan berganding bahu dengan MIC dalam menjayakan agenda transformasi kaum India yang boleh dianggap sebagai antara satu dasar inklusif seperti terbayang dalam agenda kerajaan Madani?

DATUK M. Periasamy ialah pengalisis sosial-politik.



MOVE
AHEAD
WITH

PENDIDIKAN dan kemahiran profesional dapat membantu warga India bukan sahaja terkeluar daripada putaran kemiskinan malah dapat mengikis imej kaum India sebagai kaum 'buruh' yang diwarisi sejak zaman penjajahan.



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UMPSA TUBUH SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH DALAM EKOSISTEM TVET

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 24/12/2024

BH Selasa, 24 Disember 2024

Nasional

15

UMPSA tubuh Sekolah Pengajian SiswaZah dalam ekosistem TVET

GET-BS mampu lahir pemimpin perniagaan masa depan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) muncul universiti awam pertama menubuhkan Sekolah Pengajian SiswaZah dengan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), iaitu Graduate Engineering and Technological Business School (GET-BS).

GET-BS ialah pusat siswaZah berteras pengurusan dan perniagaan dengan penekanan kepada teknologi dan kejuruteraan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMPSA, Prof Dr Aida Mustapha, berkata penubuhan GET-BS di bawah Faikulti Pengurusan Industri mampu melahirkan pemimpin perniagaan masa depan.

Katanya, pusat itu mampu memacu transformasi teknologi dengan inovasi tanpa mengabaikan matlamat kelestarian dan tanggungjawab sosial.

"GET-BS akan menawarkan program akademik, latihan, pe-

nyelidikan dan konsultasi dengan menekankan elemen Sustainable Business Innovation serta TVET termaju," katanya dalam kenyataan semalam.

Aida berkata, TVET termaju dalam konteks GET-BS merangkumi kemahiran pengurusan dan keusahawanan untuk mengurus ekosistem teknologi tinggi, bukan sahaja teknologi, tetapi termasuk juga aspek sumber manusia, pemegang taruh dan masyarakat.

Selain itu, katanya, kurikulum GET-BS akan diintegrasikan dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), bagi memperkuuh pengurusan ekosistem teknologi tinggi.

Beliau berkata, GET-BS juga akan menyediakan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan penyelidik UMPSA, pihak industri, dan masyarakat.

"GET-BS akan menyokong UMPSA untuk terus mempergiat

“GET-BS akan menawarkan program akademik, latihan, penyelidikan dan konsultasi dengan menekankan elemen Sustainable Business Innovation serta TVET termaju”

Aida Mustapha,
Timbalan
Naib Canselor
(Penyelidikan
dan Inovasi),
UMPSA

“UMPSA komited merealisasikan sasaran peningkatan enrolmen pelajar TVET 150,000 menjelang 2030, selaras usaha memperluas akses kepada pendidikan yang relevan dengan keperluan industri global”

Ahmad Ziad
Sulaiman,
Timbalan
Naib Canselor
(Akademik dan
Antarabangsa),
UMPSA

agenda pembangunan kelestarian bagi menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)," katanya.

Sasar 150,000 pelajar 2030

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMPSA, Prof Datuk Dr Ahmad Ziad Sulaiman, berkata hala tuju Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) TVET termaju 2030 menyediakan kerangka strategik yang kukuh untuk universiti teknikal seperti UMPSA dalam memacu pendidikan tinggi ke arah fleksibiliti, inovasi dan integrasi teknologi.

Sebagai MTUN, katanya, UMPSA komited merealisasikan sasaran peningkatan enrolmen pelajar TVET seramai 150,000 menjelang 2030, selaras dengan usaha memperluaskan akses kepada pendidikan yang relevan dengan keperluan industri global.

"Dengan inisiatif GET-BS, ekosistem TVET dan inovasi perniagaan lestari akan menyokong kepada usaha pencapaian hala tuju MTUN TVET termaju 2030 yang menyeluruh, termasuk pelaksanaan inovasi pengajaran dan pembelajaran.

"Pelaburan strategik ini tidak hanya bertujuan memenuhi permintaan industri semasa, tetapi juga untuk mempersiapkan graduan menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang lebih kompleks," katanya.

